



## TAKAFUL IKHLAS GENERAL BERHAD

201701019705 (1233870-A)

5th Floor, Bangunan Malaysian Re, No. 17, Lorong Dungun, Damansara Heights, 50490 Kuala Lumpur

T: +603-2723 9696 F: +603-2723 9998 **Website:** [www.takaful-ikhlas.com.my](http://www.takaful-ikhlas.com.my)

(Licensed under Islamic Financial Services Act 2013 and regulated by Bank Negara Malaysia)

### SIJIL IKHLAS SECURE TRAVEL TAKAFUL

#### SALAM SEJAHTERA DAN TERIMA KASIH

Kerana memilih Kami sebagai penyedia Takaful Kemalangan Diri Anda.

#### PENGENALAN

Peserta Takaful dan pihak Syarikat bersetuju bahawa:

1. Borang Cadangan ini akan termaktub dan menjadi asas kepada Sijil Takaful ini.
2. Peserta Takaful bersetuju untuk membayar Sumbangan Takaful seperti yang dinyatakan di dalam Jadual.
3. Borang Cadangan yang dilengkapkan dengan penuh dan benar, akan menjadi pra-syarat kepada sebarang tanggungan Syarikat.
4. Perlindungan Takaful ini adalah tertakluk kepada terma-terma yang terkandung di dalam Sijil Takaful ini merangkumi peruntukan-peruntukan had kawasan dan tempoh perlindungan Takaful seperti yang dinyatakan di dalam Jadual.
5. Jadual menunjukkan pelan perlindungan yang telah Anda pilih, Amaun Perlindungan dan sebarang syarat-syarat khas yang berkaitan dengan Sijil Takaful anda. Untuk memastikan ia melindungi apa yang Anda perlukan, sila baca Sijil Takaful dan Jadual Takaful ini.
6. Perkaitan di antara pihak Syarikat dengan Peserta Takaful di dalam Sijil Takaful ini, adalah tertakluk dan diterjemahkan mengikut Undang-undang Malaysia.

#### **Kontrak Takaful Pengguna (Pelan Takaful yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Anda)**

Sijil Takaful ini dikeluarkan sebagai balasan bagi bayaran Sumbangan Takaful sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Sijil Takaful dan jawapan yang diberikan oleh Anda di dalam borang Cadangan (atau ketika Anda memohon Takaful ini) dan sebarang pendedahan yang dibuat oleh Anda semasa penyerahan Cadangan Anda (atau ketika Anda memohon Takaful ini) dan semasa kontrak ini dimeterai. Jawapan dan maklumat oleh Anda akan menjadi sebahagian daripada kontrak Takaful antara Kami dan Anda. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat sebarang salah nyata pra-kontrak dibuat berhubung dengan maklumat yang diberikan Anda, hanya remedii dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 akan diguna pakai.

Sijil Takaful ini memcerminkan terma-terma dan syarat-syarat Kontrak Takaful yang dipersetujui oleh Anda dan Kami.

#### **Kontrak Takaful Komersil (Pelan Takaful yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Anda)**

Sijil Takaful ini dikeluarkan sebagai balasan kepada bayaran Sumbangan Takaful sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Sijil Takaful dan berpandukan kepada jawapan yang diberikan oleh Anda dalam Borang Cadangan (atau ketika Anda memohon untuk Sijil Takaful ini) dan apa-apa kenyataan yang telah dibuat oleh Anda pada atau ketika penyerahan Borang Cadangan Anda (atau ketika Anda memohon untuk Sijil Takaful ini) dan pada masa perjanjian ini ditandatangani. Jawapan dan segala kenyataan yang telah dikemukakan oleh Anda akan menjadi sebahagian daripada kontrak Takaful ini di antara Anda dan Kami. Sekiranya terdapat sebarang salah nyata pra-kontrak dibuat berhubung dengan jawapan atau dalam apa-apa pendedahan yang dibuat oleh Anda, ia mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak Takaful, keenggan atau pengurangan tuntutan, perubahan terma atau penamatan kontrak Takaful.

Sijil Takaful ini mencerminkan terma-terma dan syarat-syarat kontrak Takaful seperti yang dipersetujui antara Anda dan Kami.

#### **Notis Perlindungan PIDM**

**Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah Sijil Takaful yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur TIPS PIDM atau hubungi Takaful Ikhlas General Berhad atau PIDM (lawati [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).**

#### **DEFINISI**

Di bawah Sijil Takaful ini:

1. **"Kemalangan"** bermaksud sesuatu peristiwa atau malapetaka yang berlaku secara tiba-tiba, tidak sengaja dan di luar kawalan yang mengakibatkan kematian atau kecederaan tubuh badan kepada Orang Yang Dilindungi.
2. **"Manfaat"** bermaksud jumlah perlindungan yang akan dibayar oleh pihak Syarikat apabila berlakunya tuntutan di bawah Sijil Takaful ini berdasarkan kepada Manfaat yang tertera di dalam Jadual.
3. **"Kecederaan Tubuh Badan"** bermaksud kecederaan secara tunggal dan langsung akibat Kemalangan dan tidak termasuk kecederaan yang diakibatkan oleh sebarang penyakit, kesakitan atau masalah kesihatan.
4. **"Rompakan"** bermaksud kecurian diikuti kemasukan atau keluar secara paksa dan ganas dari premis.
5. **"Perbelanjaan Pembatalan"** bermaksud kehilangan deposit atau caj yang tidak boleh diperoleh semula/ditebus untuk bayaran pendahuluan bagi perjalanan atau penginapan atau caj lain yang dilucut hak menurut peruntukan kontrak berkaitan yang mana bukti pelucutan hak tersebut harus disediakan.
6. **"Pengangkutan Awam"** bermaksud apa-apa pengangkutan melalui darat, jalan air, laut atau udara yang beroperasi di bawah lesen untuk pengangkutan penumpang-penumpang yang membayar tambang dan mempunyai laluan yang tetap dan diiktiraf sahaja. Ia tidak termasuk teksi, helikopter dan perkhidmatan limosin, termasuk juga apa-apa pengangkutan yang disewa atau disusun sebagai sebahagian daripada lawatan walaupun perkhidmatan tersebut dijadualkan.

**ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:**

7. **"Anak atau Anak-anak"** bermaksud anak kandung atau anak tiri atau anak angkat sah yang belum berkahwin, tidak mempunyai pekerjaan tetap, berumur di antara tiga puluh (30) hari sehingga tujuh belas (17) tahun [atau tidak melebihi dua puluh tiga (23) tahun sekiranya masih belajar sepenuh masa di institusi pengajian tinggi yang diiktiraf] semasa Tarikh Takaful Berkuatkuasa.
8. **"Penyakit Berjangkit"** bermakna sebarang penyakit yang boleh merebak melalui sebarang bahan atau agen daripada apa sahaja organisma kepada organisma lain yang mana:
  - a) bahan atau agen tersebut terdiri daripada, tetapi tidak terhad kepada, virus, bakterium, parasit atau organisma lain atau ubahannya, sama ada dianggap hidup atau tidak,
  - b) cara jangkitan, sama ada langsung atau tidak langsung, termasuk tetapi tidak terhad kepada, cara jangkitan bawaan udara, cara jangkitan cecair badan, carajangkitan daripada atau kepada sebarang permukaan atau objek, pejal, cecair atau gas atau antara organisma, dan
  - c) penyakit, bahan atau agen tersebut boleh menyebabkan atau mengancam kerosakan kepada kesihatan manusia atau kebajikan manusia atau boleh menyebabkan atau mengancam kerosakan kepada, kemerosotan, kehilangan nilai, kebolehpasaran atau kehilangan penggunaan harta.
9. **"Keadaan Perubatan Kritikal"** bermaksud keadaan perubatan yang dialami oleh Orang Yang Dilindungi akibat daripada Kecederaan Badan atau Penyakit, yang ditentukan boleh mengancam nyawa mengikut budi bicara mutlak Pengamal Perubatan yang ditetapkan oleh Kami.
10. **"Pemendekan Perjalanan"** bermaksud menghentikan Perjalanan untuk pulang ke Tempat Tinggal di Malaysia bagi Perjalanan yang dirancang setelah tiba di destinasi seperti yang tertera dalam invoice tempahan disebabkan oleh:
  - a) Orang Yang Dilindungi mengalami Kecederaan Badan Serius atau Penyakit Serius (tidak termasuk COVID-19 dan penyakit sedia ada);
  - b) Kematian, Kecederaan Badan Serius atau Penyakit Serius yang menimpakeluarga (tidak termasuk COVID-19 dan penyakit sedia ada);
  - c) Rampasan kapal terbang di mana Orang Yang Dilindungi berada di dalamnya sebagai penumpang;
  - d) Bencana alam yang menghalang Orang Yang Dilindungi daripada meneruskan Perjalanan yang dirancang;
  - e) Tindakan Pengganas; atau
  - f) Kebakaran atau bencana alam yang menyebabkan kerosakan serius kepada tempat kediaman Anda di Malaysia.
11. Laporan perubatan hendaklah diperolehi daripada Pengamal Perubatan yang merawat Orang Yang Dilindungi atau Keluarga yang mengesahkan Kecederaan Badan Serius atau Penyakit Serius.
12. **"Setiap Hari Kemasukan ke Hospital"** ditakrifkan sebagai hari di mana Hospital mengenakan bayaran untuk bilik dan makanan kepada Orang Yang Dilindungi untuk kemasukan sebagai pesakit dalam bagi tempoh sekurang-kurangnya dua puluh empat (24) jam atas syor daripada Pengamal Perubatan.
13. **"Endorsemen"** bermaksud perubahan bertulis atau pindaan ke atas maklumat, terma-terma, dan syarat-syarat Sijil ini. Endorsemen ke atas Sijil ini mesti dikeluarkan oleh pihak Kami.
14. **"Keluarga"** bermaksud Pasangan Orang Yang Dilindungi, ibu bapa, ibu bapa mertua, datuk, nenek, Anak-anak, abang atau kakak, yang tinggal di Malaysia.
15. **"Rampasan"** bermaksud penyitaan dan mengambil alih kawalan Pengangkutan Awam yang menyalahi undang-undang dari krew yang tetap dengan menggunakan atau mengancam untuk menggunakan keganasan.
16. **"Tempat Tinggal"** bermaksud tempat kediaman biasa Anda di Malaysia.
17. **"Isi Kandungan Rumah"** bermaksud perabot rumah, lekapan, kelengkapan dan aksesori perabot, pakaian dan barang peribadi yang terkandung di dalam Rumah Anda tidak termasuk barang antik, arifak, lukisan, benda seni atau nilai intrinsik, manuskrip, sekuriti kewangan apa pun, wang, setem, dokumen perjalanan, kredit kad, bon, kupon, instrumen boleh niaga, surat hak milik, lesen memandu dan kad pengenalan.
18. **"Hospital"** bermaksud institusi berdaftar di bawah penyeliaan pakar perubatan, ditubuhkan dengan tujuan untuk menyediakan rawatan dan penjagaan kepada pesakit yang sakit atau cedera di atas katil berbayar, dan mempunyai kemudahan untuk:
  - a) Perkhidmatan kejururawatan dua puluh empat (24) jam oleh jururawat berdaftar dan berijazah; dan
  - b) Diagnosis dan pembedahan utama.
19. Hospital secara jelasnya bukan:
  - a) Sebuah klinik;
  - b) Rumah pemulihan, penjagaan atau rehat pulih;
  - c) Pusat pemulihan untuk penagih alkohol atau dadah; atau
  - d) Rumah untuk orang tua atau uzur.
20. **"Kemasukan ke Hospital"** bermaksud kemasukan Orang Yang Dilindungi ke Hospital sebagai pesakit berdaftar untuk rawatan Kemalangan atau Penyakit atas syor Pengamal Perubatan. Orang Yang Dilindungi dikehendaki tinggal di Hospital selama tempoh Kemasukan ke Hospital.
21. **"Pesakit dalam"** bermaksud seseorang yang tinggal satu atau lebih malam di hospital untuk mendapatkan rawatan perubatan.
22. **"Penyakit / Sakit"** bermaksud sebarang kemerosotan kesihatan secara tiba-tiba dan tidak dijangka akibat keadaan perubatan yang dijangkiti, bermula atau nyata semasa perjalanan yang memerlukan rawatan oleh Pengamal Perubatan bertauliah'.
23. **"Kehilangan Pendengaran"** bermaksud hilang upaya mendengar kekal, menyeluruh dan tidak boleh pulih akibat Kemalangan sehingga suatu tahap kehilangan yang lebih daripada 80 desibel merentasi semua frekuensi pendengaran pada kedua-dua belah telinga. Bukti perubatan di dalam bentuk keputusan ujian audiometri dan ujian ambang bunyi mesti disediakan dan disahkan oleh pakar Telinga, Hidung dan Tekak (ENT).

**ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:**

23. **"Kehilangan Anggota"** bermaksud amputasi antara pergelangan tangan dan bahu untuk lengan, atau antara buku lali dan pinggul untuk kaki, atau hilang upaya untuk berfungsi secara menyeluruh dan kekal bagi keseluruhan tangan, lengan, atau kaki.
24. **"Kehilangan Penglihatan"** bermaksud hilang penglihatan kekal, menyeluruh dan tidak boleh pulih akibat Kemalangan sehingga suatu tahap apabila diuji menggunakan alat bantuan penglihatan, penglihatan diukur pada 3/60 atau lebih teruk untuk sebelah mata atau kedua-dua belah mata menggunakan carta mata Snellen atau ujian yang setara dan keputusan tersebut mestilah disahkan oleh pakar oftalmologi.
25. **"Kehilangan Pertuturan"** bermaksud kehilangan pertuturan sepenuhnya dan tidak dapat dipulihkan dengan rawatan pembedahan atau lain-lain.
26. **"Pengamal Perubatan"** bermaksud doktor, pakar perubatan, pakar bedah, atau pakar, yang berdaftar untuk mengamalkan perubatan barat, yang semasa memberikan rawatan itu, mengamalkannya mengikut skop pelesenan dan latihannya dalam kawasan geografi amalan di mana rawatan tersebut disediakan. Doktor yang merawat bukan Anda, Pasangan, rakan kongsi perniagaan, majikan, pekerja, ejen atau individu yang berkaitan dengan Anda dalam apa jua cara melalui pertalian darah, perkahwinan, atau pengambilan keluarga angkat.
27. **"Pesakit luar"** pesakit yang tidak dimasukkan ke hospital semalam tetapi melawat hospital, klinik atau kemudahan berkaitan untuk diagnosis atau rawatan.
28. **"Cadangan"** bermaksud Borang Cadangan yang telah ditandatangani oleh Peserta Takaful dan segala maklumat yang diberikan kepada pihak Syarikat oleh Peserta Takaful atau sesiapa yang bertindak bagi pihak Peserta Takaful.
29. **"Tempoh Takaful"** bermaksud tempoh perlindungan yang tertera di dalam Jadual.
30. **"Pelan"** bermaksud perlindungan yang ditunjukkan di dalam Sijil Takaful:
  - a) **Pelan Individu** bermaksud pelan untuk Orang Yang Dilindungi yang dinamakan di dalam Sijil Takaful yang berumur di antara lapan belas (18) dan tujuh puluh (70) tahun,
  - b) **Pelan Warga Emas** bermaksud pelan untuk Orang Yang Dilindungi yang dinamakan di dalam Sijil Takaful yang berumur di antara tujuh puluh satu (71) tahun dan lapan puluh (80) tahun,
  - c) **Pelan Keluarga** bermaksud Sijil melindungi Anda, Pasangan Sah Anda dan Anak-anak Sah Anda yang dinamakan di dalam Sijil Takaful. Pelan Keluarga ini terpakai untuk kanak-kanak berumur antara tiga puluh (30) hari dan tujuh belas (17) tahun (dilanjutkan sehingga 23 tahun untuk pelajar sepenuh masa, sehingga maksimum 5 anak) dan dewasa berumur antara lapan belas (18) tahun dan tujuh puluh (70) tahun,
  - d) **Pelan Kumpulan** bermaksud pelan untuk Orang Yang Dilindungi yang dinamakan di dalam Sijil Takaful yang berumur di antara tiga puluh (30) hari dan tujuh puluh (70) tahun. Manfaat yang dibayar adalah berdasarkan Pelan Individu.
31. **"Penyakit Sedia Ada"** bermaksud Penyakit yang mana Orang Yang Dilindungi dianggap mempunyai pengetahuan munasabah, berdasarkan mana-mana yang berikut berlaku sebelum Tarikh Takaful Berkuatkuasa:
  - a) Orang Yang Dilindungi telah menerima atau sedang menerima rawatan;
  - b) Nasihat perubatan, diagnosis, penjagaan atau rawatan telah disyorkan;
  - c) Gejala yang jelas dan nyata dapat atau telah dilihat dengan ketara; atau
  - d) Kewujudannya jelas kepada orang yang berfikiran waras dalam keadaan tersebut.
32. **"Qard"** bermaksud kontrak pinjaman wang dimana peminjam bertanggungjawab untuk membayar balik jumlah yang sama kepada pemberi pinjaman.
33. **"Dana Risiko"** bermaksud kumpulan dana yang berasaskan kepada konsep Tabarru' yang memberikan perlindungan dan pampasan bersama di kalangan Peserta Takaful.
34. **"Jadual"** bermaksud maklumat yang merangkumi maklumat Peserta Takaful, Manfaat, Sumbangan Takaful dan tempoh perlindungan Takaful yang dilampirkan bersama-sama dengan Sijil Takaful.
35. **"Pengangkutan Berjadual"** bermaksud pesawat udara, keretapi atau kapal laut yang dijadualkan, yang disenaraikan dengan pihak berkuasa yang berkaitan di dalam negara, berdaftar dan memegang sijil, lesen atau kebenaran serupa untuk pengangkutan yang dijadualkan dan selaras dengan kebenaran tersebut, mengekalkan dan menerbitkan jadual dan tarif bagi perkhidmatan penumpang di antara lapangan terbang, stesen keretapi dan pelabuhan di waktu yang tetap dan dinyatakan. Untuk semua tujuan yang dimaksudkan, pengangkutan bercarter tidak boleh ditafsirkan sebagai pengangkutan berjadual.
36. **"Kecederaan Badan Serius atau Penyakit Serius"** merujuk kepada Orang Yang Dilindungi, adalah keadaan yang memerlukan rawatan daripada Pengamal Perubatan dan yang menyebabkan Orang Yang Dilindungi disahkan oleh Pengamal Perubatan tidak sihat untuk mengembara atau meneruskan Perjalanan yang dirancang. Apabila merujuk kepada Keluarga, ia bermaksud Kecederaan Badan atau Penyakit yang disahkan oleh Pengamal Perubatan sebagai berbahaya kepada kehidupan Keluarga tersebut dan yang menyebabkan pemberhentian atau pembatalan Perjalanan yang dirancang.
37. **"Sebab Yang Dinyatakan"** bermaksud:
  - a) Orang Yang Dilindungi meninggal dunia atau jatuh sakit (tidak termasuk penyakit dan/atau insiden yang timbul daripada COVID-19 dan penyakit sedia ada) atau mengalami Kecederaan Badan yang menyebabkan mereka tidak layak untuk melancong pada pendapat Pengamal Perubatan;
  - b) Kematian Keluarga atau Kecederaan Badan dan/atau Penyakit Keluarga (tidak termasuk penyakit dan/atau insiden yang timbul daripada COVID-19 dan penyakit sedia ada) yang memerlukan Kemasukan ke Hospital;
  - c) Kuarantine wajib selain kuarantine yang berkaitan dengan sebarang jangkitan atau Penyakit Berjangkit, perkhidmatan juri, sepina atau penculikan Orang Yang Dilindungi;
  - d) Pembatalan perkhidmatan Pengangkutan Awam yang dijadualkan akibat mogok, rusuhan atau kekecohan awam;

## ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

- e) Berikut pengumuman pertama, nasihat, amaran, sekatan dan/atau pengisytiharan yang dikeluarkan oleh mana-mana badan kerajaan kerajaan Malaysia, dan/atau kerajaan mana-mana negara destinasi termasuk PBB, WHO, dan/atau mana-mana pihak berkuasa global yang lain mengisyiharkan ia tidak selamat, berbahaya, tidak menentu dan/atau berbahaya bagi sebarang perjalanan yang akan dilakukan sehingga pengumuman, nasihat, amaran, sekatan dan/atau pengisytiharan sedemikian sepenuhnya dan/atau sepenuhnya dan/atau ditarik balik dan/atau dikeluarkan dengan berkesan; Semua atau mana-mana pengumuman, nasihat, amaran, sekatan dan/atau pengisytiharan lain dan/atau seterusnya tidak boleh dianggap sebagai peristiwa yang berasangan dan berbeza daripada pengumuman pertama;
  - f) Bencana alam yang menghalang Orang Yang Dilindungi daripada meneruskan Perjalanan yang dirancang; atau
  - g) Kediaman Orang Yang Dilindungi menjadi tidak boleh didiami berikutan kebakaran, ribut atau banjir sehinggakan kehadiran Orang Yang Dilindungi diperlukan di premis pada tarikh berlepas yang dijadualkan seperti yang dinyatakan pada tiket perjalanan,
- di mana, untuk perenggan (a) hingga (f), peristiwa yang dinyatakan berlaku dalam tempoh tiga puluh (30) hari sebelum tarikh berlepas yang dijadualkan seperti yang dinyatakan pada tiket perjalanan, dan bagi perenggan (g) peristiwa itu berlaku dalam tempoh tujuh (7) hari sebelum tarikh berlepas yang dijadualkan seperti yang dinyatakan pada tiket perjalanan.
38. “**Tabarru**” merujuk kepada sumbangan oleh peserta-peserta Takaful ke dalam Dana Risiko yang bertujuan menyediakan manfaat kewangan bersama yang kena dibayar kepada peserta-peserta Takaful atau kepada beneficiari mereka pada masa berlaku sesuatu kejadian yang telah dipersetujui secara bersama.
39. “**Takaful**” bermaksud suatu perkiraan yang berdasarkan pertolongan secara bersama yang di bawahnya peserta takaful bersetuju untuk menyumbang kepada suatu kumpulan wang yang sama yang menyediakan manfaat kewangan bersama yang kena dibayar kepada peserta takaful itu atau kepada beneficiarinya pada masa berlaku sesuatu kejadian yang telah dipersetujui terdahulu.
40. “**Perniagaan Takaful**” bermaksud urusniaga berkaitan dengan pentadbiran, pengurusan dan operasi Dana Takaful bagi pihak Peserta Takaful yang melibatkan elemen-elemen seperti pelaburan, simpanan dan transaksi tuntutan dan Retakaful dan frasa yang merujuk kepada menjalankan Perniagaan Takaful termasuk semua atau apa juga aktiviti yang ditetapkan di dalam perenggan 5(4)(a) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.
41. “**Sijil Takaful**” bermaksud terdiri daripada semua Borang Cadangan dan Jadual yang dilampirkan bersama dengan Sijil Takaful ini hendaklah menjadi pelengkap antara satu sama lain.
42. “**Sumbangan Takaful**” bermaksud sebarang jumlah yang perlu dibayar oleh Peserta Takaful yang dikehendaki oleh pihak Syarikat untuk menyertai pelan Takaful.
43. “**Keganasan**” bermaksud tindakan, atau tindakan-tindakan, oleh mana-mana orang atau sekumpulan orang, yang dilakukan atas tujuan politik, agama, ideologi atau yang seumpamanya dengan niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau untuk membuat orang awam atau sebahagian orang awam, dalam ketakutan. Keganasan termasuk, tetapi tidak terhad kepada, penggunaan sebenar kekerasan atau keganasan dan/atau ugutan penggunaan tersebut. Keganasan tersebut dilakukan secara bersendirian atau bagi pihak, atau yang berkaitan dengan mana-mana organisasi atau kerajaan. Keganasan hendaklah juga termasuk apa-apa perbuatan yang disahkan atau diiktiraf oleh kerajaan (yang berkaitan) sebagai tindakan keganasan dan/atau di kawal di bawah undang-undang yang berkaitan.
44. “**Peserta Takaful, Anda, Orang Yang Dilindungi**” bermaksud orang atau orang yang dinamakan dalam Jadual Takaful sebagai “Peserta”, orang atau orang yang dilindungi di bawah Sijil Takaful ini seperti dalam senarai yang diserahkan simpan kepada Syarikat.
45. “**Pihak Syarikat, Kami**” bermaksud Takaful Ikhlas General Berhad, pengantinya atau pemegang serah hak termasuk mana-mana anak-anak syarikat milik penuh dan berkaitan dengan MNRB Holdings Berhad atau mana-mana penyedia perkhidmatan yang dilantik.
46. “**Perjalanan**” bermaksud:
  - a) **Antarabangsa** (ke Kawasan Perjalanan di dalam Kawasan 2, 3 atau 4)
 

Perjalanan bermula enam (6) jam sebelum waktu berlepas yang telah ditempah untuk Perjalanan langsung ke tempat berlepas di Malaysia, dan tamat pada mana-mana keadaan berikut yang berlaku terlebih dahulu:

    - a) Enam (6) jam selepas masa ketibaan yang telah ditempah di destinasi terakhir di Malaysia;
    - b) Sejurus tiba di Tempat Tinggal Anda di Malaysia; atau
    - c) Tamat Tempoh Takaful yang dinyatakan dalam Sijil Takaful.
  - b) **Domestik** (Kawasan Perjalanan di dalam Malaysia)
 

Perjalanan bermula dari Tarikh Takaful Berkuatkuasa pada jam 12:01 pagi waktu Malaysia dan tamat pada mana-mana yang berikut yang berlaku terlebih dahulu:

    - a) Sejurus tiba di Tempat Tinggal Anda di Malaysia; atau
    - b) Tamat Tempoh Takaful pada jam 11:59 malam waktu Malaysia, pada tarikh yang dinyatakan dalam Sijil Takaful.

Tempoh di bawah “**Setiap Perjalanan**” tidak boleh melebihi:

    - a) Tiga puluh (30) hari berturut-turut untuk Perjalanan di dalam Kawasan 1; atau
    - b) Sembilan puluh (90) hari berturut-turut untuk Perjalanan ke, dan dalam Kawasan Perjalanan selain daripada Kawasan 1; dari tarikh permulaan Perjalanan itu.

Perjalanan sehala adalah tidak dibenarkan.
47. “**Wakalah**” merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (*muwakkil*) memberikan pihak lain sebagai ejen (*wakil*) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan bayaran. Di dalam konteks pihak Syarikat, Kami dilantik sebagai ejen (*wakil*) untuk melaksanakan Perniagaan Takaful, dan fi Wakalah (*Ujrah*) akan dibayar kepada pihak Syarikat.

ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

**KAWASAN PERJALANAN**

<b>Kawasan Perjalanan</b>	<b>Negara</b>
1	Malaysia (Domestik)
2	Australia, Brunei, Kemboja, China, Hong Kong, Macau, India, Indonesia, Jepun, Korea Selatan, Laos, Maldives, Myanmar, New Zealand, Pakistan, Filipina, Singapura, Sri Lanka, Taiwan, Thailand dan Vietnam
3	Seluruh dunia kecuali Amerika Syarikat dan Kanada
4	Seluruh dunia termasuk Amerika Syarikat dan Kanada

**JADUAL MANFAAT**

<b>Seksyen</b>	<b>Manfaat (setiap satu kejadian / kemalangan, setiap perjalanan)</b>	<b>Amaun Perlindungan (RM)</b>					
		<b>Domestik</b>	<b>Silver</b>	<b>Gold</b>	<b>Platinum</b>	<b>Diamond</b>	
<b>A</b>	<b>Kematian atau Hilang Keupayaan Kekal</b>						
A1	Kematian atau Hilang Keupayaan Kekal						
	a. Dewasa	75,000	100,000	300,000	500,000	1,000,000	
	b. Anak	15,000	20,000	60,000	100,000	200,000	
B	c. Keluarga – bayaran maksimum bagi setiap kemalangan di bawah pelan Keluarga.	225,000	300,000	900,000	1,500,000	3,000,000	
	<b>Perubatan &amp; Lain-lain yang Berkaitan</b>	<b>Akibat kemalangan sahaja</b>	<b>Akibat kemalangan atau penyakit</b>				
B1	Perbelanjaan Perubatan (sehingga)	75,000 / individu 187,500 (had keseluruhan keluarga)	100,000 / individu 250,000 (had keseluruhan keluarga)	300,000 / individu 750,000 (had keseluruhan keluarga)	500,000 / individu 1,250,000 (had keseluruhan keluarga)	1,000,000 / individu 2,500,000 (had keseluruhan keluarga)	
B2	Rawatan Susulan (sehingga)	7,500 / individu 18,750 (had keseluruhan keluarga)	10,000 / individu 25,000 (had keseluruhan keluarga)	30,000 / individu 75,000 (had keseluruhan keluarga)	50,000 / individu 125,000 (had keseluruhan keluarga)	100,000 / individu 250,000 (had keseluruhan keluarga)	
B3	Rawatan Perubatan Alternatif (sehingga)	Tidak dilindungi	Tidak dilindungi	500 / individu 1,250 (had keseluruhan keluarga)	500 / individu 1,250 (had keseluruhan keluarga)	500 / individu 1,250 (had keseluruhan keluarga)	
B4	Penjagaan Ihsan (sehingga)	Tidak dilindungi	5,000 / individu 5,000 (had keseluruhan keluarga)	7,500 / individu 7,500 (had keseluruhan keluarga)	10,000 / individu 10,000 (had keseluruhan keluarga)	15,000 / individu 15,000 (had keseluruhan keluarga)	
B5	Manfaat Penjagaan Anak (sehingga)	Tidak dilindungi	3,000 / individu 3,000 (had keseluruhan keluarga)	5,000 / individu 5,000 (had keseluruhan keluarga)	10,000 / individu 10,000 (had keseluruhan keluarga)	15,000 / individu 15,000 (had keseluruhan keluarga)	
B6	Elaun Hospital (maksimum 30 hari)	75 sehari / individu 6,750 (had keseluruhan keluarga)	100 sehari / individu 9,000 (had keseluruhan keluarga)	200 sehari / individu 18,000 (had keseluruhan keluarga)	300 sehari / individu 27,000 (had keseluruhan keluarga)	350 sehari / individu 31,500 (had keseluruhan keluarga)	
B7	Penghantaran Perubatan (sehingga)	Tidak dilindungi	Tidak dilindungi	1,000 / individu 1,000 (had keseluruhan keluarga)	1,500 / individu 1,500 (had keseluruhan keluarga)	2,000 / individu 2,000 (had keseluruhan keluarga)	
C	<b>Pemindahan Perubatan Kecemasan &amp; Penghantaran Balik</b>	<b>Akibat kemalangan sahaja</b>	<b>Akibat kemalangan atau penyakit</b>				

ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

C1	Perbelanjaan Penghantaran Balik (sehingga)	Tidak dilindungi	500,000 / individu 1,500,000 (had keseluruhan keluarga)	1,000,000 / individu 3,000,000 (had keseluruhan keluarga)	1,500,000 / individu 4,500,000 (had keseluruhan keluarga)	2,000,000 / individu 6,000,000 (had keseluruhan keluarga)
C2	Pemindahan Perubatan Kecemasan (sehingga)	Tidak dilindungi	500,000 / individu 1,500,000 (had keseluruhan keluarga)	1,000,000 / individu 3,000,000 (had keseluruhan keluarga)	1,500,000 / individu 4,500,000 (had keseluruhan keluarga)	2,000,000 / individu 6,000,000 (had keseluruhan keluarga)
C3	Perbelanjaan Pengebumian	2,000 / individu 6,000 (had keseluruhan keluarga)	2,500 / individu 7,500 (had keseluruhan keluarga)	5,000 / individu 15,000 (had keseluruhan keluarga)	7,500 / individu 22,500 (had keseluruhan keluarga)	10,000 / individu 30,000 (had keseluruhan keluarga)
<b>D Kesulitan Perjalanan</b>						
D1	Kelewatan Perjalanan (untuk setiap 6 jam)	100 / 6 jam sehingga 1,000	100 / 6 jam sehingga 1,500	200 / 6 jam sehingga 3,000	200 / 6 jam sehingga 5,000	200 / 6 jam sehingga 10,000
	a. Pelan individu	300 / 6 jam sehingga 3,000	300 / 6 jam sehingga 4,500	600 / 6 jam sehingga 9,000	600 / 6 jam sehingga 15,000	600 / 6 jam sehingga 30,000
D2	Pembatalan Perjalanan (sehingga)	Tidak dilindungi	5,000 / individu 15,000 (had keseluruhan keluarga)	15,000 / individu 45,000 (had keseluruhan keluarga)	25,000 / individu 75,000 (had keseluruhan keluarga)	35,000 / individu 105,000 (had keseluruhan keluarga)
D3	Pemendekan Perjalanan (sehingga)	Tidak dilindungi	5,000 / individu 15,000 (had keseluruhan keluarga)	15,000 / individu 45,000 (had keseluruhan keluarga)	25,000 / individu 75,000 (had keseluruhan keluarga)	35,000 / individu 105,000 (had keseluruhan keluarga)
D4	Terlepas Sambungan Perjalanan	Tidak dilindungi	400 / individu 1,200 (had keseluruhan keluarga)	500 / individu 1,500 (had keseluruhan keluarga)	600 / individu 1,800 (had keseluruhan keluarga)	700 / individu 2,100 (had keseluruhan keluarga)
D5	Terlepas Perlepasan (sehingga)	Tidak dilindungi	Tidak dilindungi	1,000 / individu 3,000 (had keseluruhan keluarga)	5,000 / individu 15,000 (had keseluruhan keluarga)	10,000 / individu 30,000 (had keseluruhan keluarga)
D6	Perjalanan Terlebih Tempahan (sehingga)	Tidak dilindungi	Tidak dilindungi	2,000 / individu 6,000 (had keseluruhan keluarga)	5,000 / individu 15,000 (had keseluruhan keluarga)	10,000 / individu 30,000 (had keseluruhan keluarga)
D7	Kehilangan Deposit Perjalanan kerana Insolvensi Ejen Pelancongan (sehingga)	1,000 / individu 3,000 (had keseluruhan keluarga)	1,500 / individu 4,500 (had keseluruhan keluarga)	3,000 / individu 9,000 (had keseluruhan keluarga)	5,000 / individu 15,000 (had keseluruhan keluarga)	10,000 / individu 30,000 (had keseluruhan keluarga)

**ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:**

D8	Kelewatan Bagasi	250 / individu 750 (had keseluruhan keluarga)	500 / individu 1,500 (had keseluruhan keluarga)	1,000 / individu 3,000 (had keseluruhan keluarga)	1,500 / individu 4,500 (had keseluruhan keluarga)	2,000 / individu 6,000 (had keseluruhan keluarga)
D9	Perlindungan Ekses Kereta Sewa (sehingga)	250 / individu 250 (had keseluruhan keluarga)	500 / individu 500 (had keseluruhan keluarga)	1,000 / individu 1,000 (had keseluruhan keluarga)	1,500 / individu 1,500 (had keseluruhan keluarga)	2,000 / individu 2,000 (had keseluruhan keluarga)
D10	Kesulitan Akibat Rampasan (selepas 24 jam)	Tidak dilindungi	Tidak dilindungi	10,000 / individu 30,000 (had keseluruhan keluarga)	25,000 / individu 75,000 (had keseluruhan keluarga)	50,000 / individu 150,000 (had keseluruhan keluarga)
D11	Penipuan Perjalanan (sehingga)	Tidak dilindungi	2,500 / individu 7,500 (had keseluruhan keluarga)	5,000 / individu 15,000 (had keseluruhan keluarga)	7,500 / individu 22,500 (had keseluruhan keluarga)	10,000 / individu 30,000 (had keseluruhan keluarga)
<b>E</b>	<b>Kerugian kepada Barang Peribadi</b>					
E1	Kehilangan atau Kerosakan Bagasi & Barang Peribadi (sehingga)	1,000 / individu 2,500 (had keseluruhan keluarga)	2,500 / individu 6,250 (had keseluruhan keluarga)	5,000 / individu 12,500 (had keseluruhan keluarga)	7,500 / individu 18,750 (had keseluruhan keluarga)	10,000 / individu 25,000 (had keseluruhan keluarga)
	a. Bagasi	400 / individu 1,000 (had keseluruhan keluarga)	1,000 / individu 2,500 (had keseluruhan keluarga)	2,000 / individu 5,000 (had keseluruhan keluarga)	3,000 / individu 7,500 (had keseluruhan keluarga)	4,000 / individu 10,000 (had keseluruhan keluarga)
	b. Barang Peribadi - terhad kepada RM500 untuk mana-mana satu artikel atau sepasang atau satu set artikel:	600 / individu 1,500 (had keseluruhan keluarga)	1,500 / individu 3,750 (had keseluruhan keluarga)	3,000 / individu 7,500 (had keseluruhan keluarga)	4,500 / individu 11,250 (had keseluruhan keluarga)	6,000 / individu 15,000 (had keseluruhan keluarga)
E2	Kehilangan Dokumen Perjalanan (sehingga)	500 / individu 1,250 (had keseluruhan keluarga)	1,000 / individu 2,500 (had keseluruhan keluarga)	2,500 / individu 6,250 (had keseluruhan keluarga)	5,000 / individu 12,500 (had keseluruhan keluarga)	7,500 / individu 18,750 (had keseluruhan keluarga)
E3	Kehilangan Wang Peribadi (sehingga)	200 / individu 500 (had keseluruhan keluarga)	500 / individu 1,250 (had keseluruhan keluarga)	500 / individu 1,250 (had keseluruhan keluarga)	1,000 / individu 2,500 (had keseluruhan keluarga)	2,000 / individu 5,000 (had keseluruhan keluarga)
E4	Penjagaan Rumah – terhad kepada RM500 untuk mana-mana satu artikel atau sepasang atau satu set artikel (sehingga)	Tidak dilindungi	1,000 / individu 1,000 (had keseluruhan keluarga)	2,000 / individu 2,000 (had keseluruhan keluarga)	3,000 / individu 3,000 (had keseluruhan keluarga)	4,000 / individu 4,000 (had keseluruhan keluarga)

ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

E5	Kehilangan Kad Kredit (sehingga)	Tidak dilindungi	Tidak dilindungi	2,500 / individu 2,500 (had keseluruhan keluarga)	5,000 / individu 5,000 (had keseluruhan keluarga)	7,500 / individu 7,500 (had keseluruhan keluarga)
<b>F Liabiliti peribadi</b>						
F1	Liabiliti peribadi	200,000 / individu 500,000 (had keseluruhan keluarga)	250,000 / individu 625,000 (had keseluruhan keluarga)	1,000,000 / individu 2,500,000 (had keseluruhan keluarga)	1,500,000 / individu 3,750,000 (had keseluruhan keluarga)	2,000,000 / individu 5,000,000 (had keseluruhan keluarga)
<b>G Other Benefits</b>						
G1	Badal Haji	Tidak dilindungi		3,500 / individu 3,500 (had keseluruhan keluarga)		
G2	Waqaf			Peratusan Amaun Perlindungan manfaat Kematian		
<b>H COVID-19 (Manfaat Tambahan)</b>						
H1	Kematian akibat COVID-19					
	Dewasa	Tidak dilindungi	100,000	300,000	500,000	1,000,000
	Anak		20,000	60,000	100,000	200,000
	Keluarga – maksimum yang perlu di bayar dibawah pelan keluarga		300,000	900,000	1,500,000	3,000,000
H2	Pembatalan Perjalanan kerana COVID-19 (sehingga)	Tidak dilindungi		5,000 / individu 15,000 (had keseluruhan keluarga)		
H3	Perbelanjaan Perubatan di luar negara akibat COVID-19 (sehingga)	Tidak dilindungi		300,000 / individu 750,000 (had keseluruhan keluarga)		
H4	Pemindahan perubatan kecemasan dan penghantaran pulang akibat COVID-19 (sehingga)	Tidak dilindungi		100,000 / individu 250,000 (had keseluruhan keluarga)		
H5	Perbelanjaan penghantaran balik kematian akibat COVID-19 (sehingga)	Tidak dilindungi		100,000 / individu 250,000 (had keseluruhan keluarga)		
H6	Perbelanjaan Pengebumian akibat COVID-19	Tidak dilindungi		10,000 / individu 50,000 (had keseluruhan keluarga)		
<b>I Seksyen I – Manfaat Lain (Manfaat Tambahan)</b>						
I1	Aktiviti-aktiviti berbahaya Nota: Seksyen A, dan B	Tidak dilindungi	Tersedia	Tersedia	Tersedia	Tersedia
I2	Kehilangan Peranti Elektronik (sehingga)	Tidak dilindungi	2,500 / individu 6,250 (had keseluruhan keluarga)	5,000 / individu 12,500 (had keseluruhan keluarga)	7,500 / individu 18,750 (had keseluruhan keluarga)	15,000 / individu 37,500 (had keseluruhan keluarga)

**ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:**

**KETERANGAN MANFAAT**

**SEKSYEN A - MANFAAT KEMALANGAN DIRI**

**A1. Kematian atau Hilang Keupayaan Kekal**

Apa-apa kerugian tertentu yang berlaku di mana ganti rugi perlu dibayar di bawah Seksyen A1(1) sehingga Seksyen A1(5), akan menamatkan semua perlindungan di bawah Sijil ini, tetapi penamatan sedemikian hendaklah tanpa menjelaskan apa-apa tuntutan lain yang berpunca daripada Kemalangan yang sama yang menyebabkan kehilangan tersebut. Manfaat maksimum yang dibayar di bawah Seksyen A adalah terhad kepada 100% daripada Amaun Manfaat seperti yang dinyatakan dalam jadual Manfaat dan tiada Manfaat hilang upaya separa akan dibayar.

**Had Pampasan**

- a) apabila lebih daripada satu (1) bentuk hilang keupayaan kekal akibat daripada satu (1) kemalangan peratusan ditambah bersama, tetapi Kami / Syarikat tidak akan membayar lebih daripada 100% daripada jumlah perlindungan yang dinyatakan dalam Bahagian A jadual faedah.
- b) Perlindungan berkenaan dengan Anda sebagai Orang yang Dilindungi akan luput selepas pembayaran 100%.
- c) jika tuntutan perlu dibayar untuk kehilangan atau kehilangan penggunaan, seluruh bahagian badan, tuntutan untuk mana-mana komponen tidak boleh dibuat.
- d) Orang yang Dilindungi dianggap mati untuk tujuan Sijil ini jika mayatnya tidak dijumpai dalam tempoh 1 tahun akibat tenggelam atau bangkai kapal pengangkut awam di mana Anda adalah penumpang yang membayar tambang dan di atas kapal pada masa itu ketika kemalangan itu.
- e) sebarang bayaran yang dibuat untuk kehilangan akan dikutip semula oleh Kami / Syarikat daripada Orang yang Dilindungi, jika Kami dimaklumkan bahawa Anda masih hidup yang mana tuntutan dibuat berkenaan dengan manfaat ini.
- f) untuk pelan keluarga, liabiliti Syarikat berkenaan dengan anak akan dihadkan kepada 20% daripada jumlah perlindungan yang ditetapkan dalam jadual manfaat.

<b>Kes</b>	<b>Penerangan Kes Hilang Keupayaan Kekal</b>	<b>Kadar Amaun Manfaat</b>
1	Kehilangan kedua-dua tangan atau kedua-dua kaki atau penglihatan kedua-dua mata	100%
2	Kehilangan sebelah tangan dan sebelah kaki	100%
3	Kehilangan sama ada tangan atau kaki dan penglihatan sebelah mata	100%
4	Lumpuh sepenuhnya (dari leher ke bawah)	100%
5	Quadriplegia kekal (kehilangan atau kehilangan penggunaan empat anggota secara menyeluruh dan kekal)	100%
6	Kehilangan sebelah tangan atau sebelah kaki	50%
7	Kehilangan empat jari dan ibu jari dalam satu tangan	50%
8	Kehilangan pendengaran kedua-dua telinga	50%
9	Kehilangan pertuturan	50%
10	Hilang penglihatan sebelah mata	50%
11	Kehilangan semua jari kaki dalam satu kaki	50%

**SEKSYEN B – PERUBATAN & LAIN-LAIN YANG BERKAITAN**

Kami akan membayar sehingga had Jumlah Manfaat seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat untuk perbelanjaan perlu dan munasabah yang ditanggung seperti berikut dalam Tempoh Takaful yang membolehkan Anda membuat tuntutan akibat Kecederan Badan atau Penyakit (kecuali penyakit sedia ada) semasa dalam Perjalanan.

Bagi perjalanan Domestik, Manfaat Perbelanjaan Perubatan ini hanya terpakai atas sebab-sebab Kemalangan.

**B1. Perbelanjaan Perubatan**

Pembayaran balik sehingga had Amaun Manfaat yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat berkaitan dengan perbelanjaan yang perlu dan munasabah yang ditanggung untuk rawatan perubatan yang termasuk tetapi tidak terhad kepada kos rawatan pergigian kecemasan semasa Perjalanan.

Sekiranya berlaku Kemasukan ke Hospital (untuk pelan antarabangsa), apa-apa perbelanjaan perubatan pesakit dalam yang ditanggung yang secara langsung berkaitan dengan Kecedereraan Badan atau Penyakit (kecuali penyakit sedia ada) semasa Perjalanan Anda akan berdasarkan kemasukan tanpa tunai.

Apa-apa tuntutan perbelanjaan perubatan pesakit luar bagi jumlah tidak melebihi Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3,000) bagi setiap Kemalangan/ kejadian adalah dengan kaedah pembayaran balik.

**B2. Rawatan Susulan**

Pembayaran balik sehingga had Amaun Manfaat yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat bagi perbelanjaan perubatan susulan, Hospital dan rawatan yang diperlukan (termasuk kos ambulans persendirian atau caj khidmat jururawat profesional di rumah jika disyorkan oleh doktor yang merawat Anda) yang ditanggung oleh Anda di Malaysia dalam tempoh tiga (3) bulan selepas kembali dari Perjalanan.

## ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

### B3. Rawatan Perubatan Alternatif

Pembayaran balik sehingga had Amaun Manfaat yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat bagi perbelanjaan rawatan alternatif yang munasabah berikut Kemalangan atau Penyakit yang dialami (tidak termasuk mana-mana penyakit sedia ada) oleh Anda semasa Perjalanan, yang ditanggung oleh Anda di Malaysia dalam tempoh tiga (3) bulan selepas kembali dari Perjalanan tersebut.

Rawatan tersebut hendaklah dilakukan oleh pengamal perubatan tradisional yang berdaftar, osteopati, pakar fisioterapi dan/atau kiropraktor, dengan syarat rawatan diperolehi daripada Pengamal Perubatan terlebih dahulu. Manfaat ini tidak termasuk rawatan yang diberikan oleh Anda sendiri, Pasangan, rakan kongsi perniagaan, majikan, pekerja, ejen atau individu yang berkaitan dengan Anda dalam apa jua cara melalui pertalian darah, perkahwinan, atau pengambilan keluarga angkat.

### B4. Penjagaan Ihsan

Pembayaran balik sehingga had Amaun Manfaat yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat untuk perbelanjaan tambahan (iaitu penginapan tambahan, komunikasi, tiket penerbangan pergi balik kelas ekonomi, perbelanjaan perjalanan) yang ditanggung oleh seorang (1) yang diperlukan untuk perjalanan tersebut:

1. akibat penghospitalan Anda atas nasihat pakar perubatan yang merawat; atau
2. akibat kematian Anda semasa Perjalanan (pelan antarabangsa sahaja).

dengan syarat tiada anggota Keluarga dewasa Anda turut serta semasa Perjalanan dilakukan.

### B5. Manfaat Penjagaan Anak

Pembayaran balik sehingga had Amaun Manfaat yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat untuk perbelanjaan tambahan (iaitu penginapan tambahan, komunikasi, tiket penerbangan pergi balik kelas ekonomi, perbelanjaan perjalanan) di antara Malaysia dan tempat kejadian, dan makanan yang ditanggung oleh seorang (1) untuk menjaga dan/atau menemani Anak-anak Anda, di bawah lapan belas (18) tahun, kembali ke Malaysia akibat daripada Penghospitalan atau kematian Anda, dengan syarat tiada anggota Keluarga dewasa Anda turut serta semasa Perjalanan tersebut.

### B6. Elaun Hospital

Sekiranya dalam Perjalanan, Anda dimasukkan ke Hospital, Kami akan membayar Elaun Harian Hospital sehingga had Amaun Manfaat yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat bagi setiap hari penuh Kemasukan ke Hospital, dengan syarat tuntutan yang sah dibayar di bawah Seksyen B1. Bayaran Manfaat tidak akan melebihi tiga puluh (30) hari bagi Kemasukan ke Hospital tersebut.

### B7. Penghantaran Perubatan

Pembayaran balik perbelanjaan yang ditanggung oleh Orang yang Dilindungi sehingga jumlah yang ditentukan seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat untuk menghantar ubat bagi rawatan khusus akibat kemalangan semasa dalam perjalanan, dengan syarat preskripsi sedemikian disyorkan oleh Pengamal Perubatan bertauliahan.

#### Pengecualian-pengecualian untuk Seksyen B

Kami tidak akan membayar tuntutan yang berkaitan dengan:

1. Prosedur eksperimen, elektif atau penyiasatan atau pemeriksaan perubatan bukan kecemasan, pemvaksinan dan komplikasi daripadanya;
2. Pembedahan kosmetik atau plastik selain pembedahan pembentukan semula yang diperlukan oleh Kemalangan yang dilindungi;
3. Apa-apa bentuk penyembuhan (termasuk susulan) bukan berpunca daripada Kemalangan atau Penyakit, rawatan psikoanalitik, rehat pulih, fisioterapi dan detoksifikasi;
4. Rawatan oftalmologi, cermin mata, kanta sentuh, pemeriksaan mata, pembedahan biasan, alat bantu pendengaran, prostesis, rawatan gigi, rawatan pergigian, pembedahan mulut dan gigi palsu, melainkan jika ditetapkan oleh Pengamal Perubatan untuk rawatan Kecederaan Badan;
5. Apa-apa keadaan kongenital termasuk apa-apa keabnormalan perubatan atau fizikal yang wujud sejak lahir, dan juga keabnormalan fizikal neonatal yang terbentuk dalam tempoh enam (6) bulan dari masa kelahiran;
6. Apa-apa Penyakit Berjangkit termasuk COVID-19;
7. Rawatan untuk mengurangkan atau menaikkan berat badan;
8. Apa-apa penyiasatan dan rawatan gangguan tidur dan dendkur dan terapi penggantian hormon;
9. Apa-apa pengkhitanan atau perbelanjaan yang ditanggung untuk menukar jantina;
10. Sebarang derma mana-mana organ badan termasuk kos pengambilalihan dan derma;
11. Apa-apa peralatan atau alat prostetik seperti anggota tiruan, alat bantu pendengaran, perentak yang diimplankan, kanta sentuh, kanta, cermin mata dan preskripsinya;
12. Apa-apa kos dan perbelanjaan yang bersifat bukan perubatan;
13. Penjagaan peribadi, rehat pulih, penjagaan kebersihan atau detoksifikasi;
14. Apa-apa perbelanjaan perubatan yang ditanggung di luar negara selepas Kami berpendapat bahawa Anda patut untuk pulang ke Malaysia tetapi Anda menolak;
15. Apa-apa perbelanjaan perubatan yang ditanggung di luar negara yang Kami berpendapat boleh ditangguhkan untuk rawatan setelah kembali ke Malaysia; dan
16. Apabila Anda tidak layak untuk membuat Perjalanan atau Perjalanan yang bertentangan dengan nasihat Pengamal Perubatan atau untuk tujuan mendapatkan rawatan perubatan.

## ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

### SEKSYEN C - PEMINDAHAN PERUBATAN KECEMASAN & PENGHANTARAN BALIK

#### C1. Perbelanjaan Penghantaran Balik

Sekiranya berlaku kematian akibat Kecederaan atau Penyakit (tidak termasuk penyakit sedia ada) Orang Yang Dilindungi semasa dalam Perjalanan, pembekal perkhidmatan Kami yang diberi kuasa akan membuat urusan yang perlu untuk mengangkut mayat atau abu Orang Yang Dilindungi pulang ke Malaysia.

Kami akan membayar perbelanjaan yang munasabah untuk pengebumian atau pembakaran mayat di kawasan tempat kematian berlaku kepada pembekal perkhidmatan Kami yang diberi kuasa secara langsung. Semua urusan untuk penghantaran balik mesti diluluskan dan diatur melalui pembekal perkhidmatan sah Kami melainkan urusan melalui pembekal perkhidmatan sah Kami tidak dapat dilakukan dalam keadaan diatas sebab di luar kawalan Anda dan dianggap munasabah oleh Kami.

Nota:

Jika Anda mengalami hilang keupayaan semasa dalam Perjalanan dan menyebabkan kematian, Pembekal perkhidmatan Sah Kami akan menguruskan penghantaran balik Anda ke tempat tinggal Anda di Malaysia. Kami akan membayar balik perbelanjaan yang munasabah dan perlu yang ditanggung di luar negara atau di dalam Malaysia (terpakai untuk perjalanan domestik sahaja) untuk perkhidmatan dan bekalan yang disediakan oleh ahli mayat atau penguji, termasuk tetapi tidak terhad kepada kos keranda asas, pembalseman dan pembakaran mayat, jika dipilih demikian. Ini tidak termasuk perbelanjaan yang berkaitan dengan upacara atau upacara keagamaan. Semua urusan untuk pemindahan dan penghantaran balik mesti dilakukan melalui pembekal perkhidmatan yang dibenarkan melainkan pengaturan itu di luar kawalan Anda dan dianggap munasabah oleh Kami. Untuk urusan yang Anda lakukan, Kami akan membayar balik perbelanjaan yang munasabah dan perlu kepada Anda untuk jumlah yang akan ditanggung jika pembekal Perkhidmatan yang diberi kuasa telah membuat urusan tersebut.

#### C2. Pemindahan Perubatan Kecemasan

Apabila Orang Yang Dilindungi mengalami Kecederaan atau Penyakit (tidak termasuk penyakit yang sedia ada) semasa dalam Perjalanan dan jika pendapat pembekal perkhidmatan Kami yang diberi kuasa, adalah dianggap sesuai dari segi perubatan untuk memindahkan Orang Yang Dilindungi yang mempunyai Keadaan Perubatan Kritis ke Hospital terdekat di mana penjagaan dan kemudahan yang sesuai tersedia, Pembekal perkhidmatan Kami yang diberi kuasa akan mengatur pemindahan menggunakan cara yang paling sesuai untuk berbuat demikian, berdasarkan tahap keterukan perubatan keadaan Orang Yang Dilindungi.

Cara pemindahan yang diatur oleh pembekal perkhidmatan Kami yang diberi kuasa termasuk ambulans udara, ambulans permukaan, pengangkutan udara biasa dan destinasi akhir akan dibuat oleh pembekal perkhidmatan Kami yang diberi kuasa dan akan berdasarkan keperluan perubatan semata-mata.

Kami akan membayar perbelanjaan yang diperlukan untuk pemindahan tersebut kepada pembekal perkhidmatan sah Kami secara langsung. Perbelanjaan tersebut hendaklah termasuk perbelanjaan yang ditanggung untuk pengangkutan Orang Yang Dilindungi, perkhidmatan perubatan dan bekalan perubatan yang semestinya ditanggung akibat pemindahan perubatan kecemasan.

#### C3. Perbelanjaan Pengebumian

Jumlah sekali gus seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat akan dibayar untuk perbelanjaan pengebumian sekiranya berlaku kematian Orang Yang Dilindungi akibat Kemalangan.

### SEKSYEN D - KESULTAN PERJALANAN

#### D1. Kelewatan Perjalanan

Kami akan membayar kepada Anda sehingga had yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat bagi tempoh kelewatan sekiranya gangguan Perjalanan Anda disebabkan mogok atau tindakan industri, keadaan cuaca yang buruk, kerosakan mekanikal atau kekacauan atau kecacatan struktur kepada Pengangkutan Awam Anda yang mana pengesahan perlu diberikan hanya oleh Pengangkutan Berjadual yang memberikan butiran terperinci punca kelewatan dan masa berlepas sebenar Pengangkutan Berjadual.

Sekiranya pihak Pengangkutan Awam menyediakan alternatif pengangkutan tanpa kos tambahan yang akan mempengaruhi dan membantu meneruskan Perjalanan yang dijadualkan, jadual alternatif tersebut mesti diterima dan apa-apa kos yang berbangkit tidak akan dijadikan sebagai tuntutan.

#### D2. Pembatalan Perjalanan

Kami akan membayar balik kepada Anda Perbelanjaan Pembatalan yang ditanggung sehingga had Amaun Manfaat yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat sekiranya Anda terpaksa membatalkan Perjalanan Anda, sebagai akibat langsung dan perlu dari mana-mana Sebab Yang Dinyatakan sebelum permulaan Perjalanan tersebut. Dengan syarat bahawa perlindungan ini hanya berkuat kuasa sekiranya disertai sebelum Anda menyedari apa-apa keadaan yang boleh membawa kepada gangguan Perjalanan Anda.

Anda hanya boleh membuat tuntutan sama ada di bawah Seksyen D2 atau Seksyen D3 bagi kejadian yang sama.

#### Pengecualian-pengecualian untuk Seksyen D2

Kami tidak akan membayar tuntutan yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada, berkenaan dengan, atau disebabkan oleh peraturan atau statut Kerajaan, kelewatan atau pindaan Perjalanan yang ditempah (termasuk kesilapan, peninggalan atau keingkaran) oleh penyedia mana-mana perkhidmatan yang menjadi sebahagian daripada Perjalanan yang ditempah. Ini termasuklah ejen atau ejen pelancongan yang melaluinya Perjalanan ditempah, atau kegagalan untuk mendapatkan dokumen-dokumen yang diperlukan untuk perjalanan.

## ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

### D3. Pemendekan Perjalanan

Kami akan membayar balik kepada Anda sehingga had Amaun Manfaat yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat untuk kos prabayar yang tidak boleh diperolehi semula / ditebus bagi Perjalanan yang dirancang berkenaan dengan perbelanjaan perjalanan yang berkaitan yang akan dikira secara berkadar berdasarkan bahagian yang tidak digunakan dalam Perjalanan yang dirancang termasuk sebarang tambahan kos hotel dan penghantaran pulang ke Malaysia yang perlu dan munasabah yang ditanggung oleh sebab Pemendekan Perjalanan tersebut. Perlindungan ini hanya berkuatkuasa sekiranya disertai sebelum Anda menyedari apa-apa keadaan yang boleh membawa kepada gangguan Perjalanan yang dirancang.

Anda hanya boleh membuat tuntutan sama ada di bawah Seksyen D2 atau Seksyen D3 bagi kejadian yang sama.

#### Pengecualian-pengecualian untuk Seksyen D3

Kami tidak akan membayar tuntutan yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada, berkenaan dengan, atau disebabkan oleh peraturan atau statut Kerajaan, kelewatan atau pindaan Perjalanan yang ditempah (termasuk kesilapan, peninggalan atau keingkaran) oleh penyedia mana-mana perkhidmatan yang menjadi sebahagian daripada Perjalanan yang ditempah. Ini termasuklah ejen atau ejen pelancongan yang melaluinya Perjalanan ditempah, atau kegagalan untuk mendapatkan dokumen-dokumen yang diperlukan untuk perjalanan.

### D4. Terlepas Sambungan Perjalanan

Kami akan membayar sehingga had Amaun Manfaat yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat kepada Anda sekiranya pesawat, kereta api atau kapal laut yang seterusnya terlepas pada mana-mana lokasi pindahan kerana kelewatan ketibaan pesawat, kereta api atau kapal laut yang dijadualkan dan tiada alternatif atau pengangkutan alternatif disediakan untuk Anda sekurang-kurangnya enam (6) jam dari waktu ketibaan sebenar pesawat, kereta api atau kapal terbang yang dijadualkan.

Anda perlu mengemukakan pengesahan secara bertulis daripada pihak Pengangkutan Berjadual yang menunjukkan masa berlepas yang dijadualkan dan masa berlepas sebenar penerbangan, perjalanan atau pelayaran untuk mendapatkan tuntutan Manfaat ini.

### D5. Terlepas Perlepasan

Jika Orang Yang Dilindungi terlepas daripada Pengangkutan Awam berlepas yang dijadualkan semasa dalam Perjalanan, akibat kerosakan mekanikal Pengangkutan Awam untuk membawa Orang Yang Dilindungi ke pelabuhan berlepas, lapangan terbang atau stesen kereta api seperti yang dinyatakan dalam tiket perjalanan Orang Yang Dilindungi, Kami akan membayar balik perbelanjaan perjalanan dan penginapan tambahan yang perlu dan munasabah yang ditanggung untuk pulang ke Malaysia, sehingga jumlah maksimum yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat. Orang Yang Dilindungi mesti mendapatkan pengesahan kerosakan mekanikal secara bertulis daripada Pengangkutan Aawam atau ejen pengendalian mereka (pelan antarabangsa sahaja).

### D6. Perjalanan Terlebih Tempahan

Pembayaran balik untuk perbelanjaan tambahan yang ditanggung kerana Orang Yang Dilindungi ditolak daripada menaiki kapal terbang yang dijadualkan kerana tempahan berlebihan termasuk penginapan hotel jika terdapat kelewatan dalam berlepas dan tiada alternatif pengangkutan seterusnya disediakan untuk sekurang-kurangnya enam (6) jam dari waktu berlepas yang dijadualkan (pelan antarabangsa sahaja).

### D7. Kehilangan Deposit Perjalanan kerana Insolvensi Ejen Pelancongan

Pembayaran balik sehingga jumlah yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat untuk perbelanjaan perjalanan dan penginapan yang tidak boleh diperolehi yang dibayar lebih awal jika perjalanan dibatalkan sebelum berlepas dari Malaysia akibat ketidakmampuan ejen pelancongan.

### D8. Kelewatan Bagasi

Kami akan membayar kepada Anda Amaun Manfaat yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat sekiranya bagasi Anda yang telah didaftar masuk tiba lewat sekurang-kurangnya enam (6) jam daripada masa ketibaan di destinasi luar Negara. Manfaat ini tidak akan membayar kelewatan bagasi apabila Anda pulang ke Malaysia.

Untuk perjalanan domestik, Kami akan membayar Jumlah Manfaat kepada Anda sekiranya bagasi Anda yang telah didaftar masuk tiba lewat sekurang-kurangnya enam (6) jam daripada masa ketibaan di destinasi di dalam Malaysia. Manfaat ini tidak akan membayar kelewatan bagasi apabila Anda pulang ke Tempat Tinggal Anda.

Anda harus mendapatkan dan mengemukakan pengesahan secara bertulis untuk tarikh dan masa sebenar penghantaran bagasi daripada pihak Pengangkutan Berjadual.

Anda hanya boleh membuat tuntutan sama ada di bawah Seksyen D8 atau Seksyen E1 bagi kejadian yang sama dan barang yang sama.

### D9. Perlindungan Ekses Kereta Sewa

Pembayaran balik sehingga amaun yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat untuk apa-apa lebihan/deduktibel yang mana Orang yang Dilindungi bertanggungjawab di sisi undang-undang berkenaan dengan kerugian atau kerosakan pada kereta sewa.

### D10. Kesulitan Akibat Rampasan

Kami akan membayar anda Amaun Manfaat seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat sekiranya pengangkutan awam dirampas (pelan antarabangsa sahaja) selepas 24 jam penuh. Tertakluk sebaliknya kepada terma Sijil Takaful ini, perlindungan akan diteruskan sementara Orang Yang Dilindungi tertakluk kepada kawalan orang (-orang) atau rakan sekutu mereka yang membuat atau menyebabkan Rampasan dan semasa perjalanan terus ke domisil dan/atau destinasi asalnya, untuk tempoh tidak melebihi dua belas (12) bulan dari tarikh Rampasan.

Apa-apa tuntutan di bawah Seksyen ini hendaklah disertakan dengan laporan polis atau laporan yang dikeluarkan oleh pihak Pengangkutan Awam, mengesahkan tempoh Rampasan tersebut dan Anda adalah mangsa Rampasan.

## ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

### D11. Penipuan Perjalanan

Pembayaran balik sehingga jumlah yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat untuk perbelanjaan perjalanan dan penginapan yang tidak boleh diperolehi yang dibayar lebih awal yang menyebabkan Orang Yang Dilindungi tidak dapat menaiki pesawat atau menggunakan penginapan kerana tindakan penipuan yang dilakukan oleh ejen pelancongan berdaftar.

#### Pengecualian-pengecualian untuk Seksyen D11

Kami tidak akan membayar untuk tuntutan berkenaan dengan:

1. Ejen pelancongan tidak mempunyai sebarang lesen perniagaan untuk Operasi Pelancongan
2. Lesen ejen pelancongan telah pun digantung sebelum tarikh pembelian perlindungan takaful
3. Urusan perjalanan atas perniagaan skim atau kupon

## SEKSYEN E - KERUGIAN KEPADA BARANGAN PERIBADI

### E1. Kehilangan atau Kerosakan Bagasi & Barang Peribadi

Kami akan membayar sehingga had Amaun Manfaat seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat kepada Anda, bagi kehilangan atau kerosakan kepada bagasi dan barang peribadi semasa Perjalanan, yang dibawa atau dibeli semasa Perjalanan, dan dimiliki oleh Anda akibat kecuaian pihak Pengangkutan Awam atau Kecurian.

Barangan peribadi adalah barang yang untuk kegunaan peribadi, untuk dipakai atau dibawa, yang dimiliki oleh Anda, termasuk pakaian, peti, beg pakaian dan seumpamanya.

#### Syarat-syarat untuk Seksyen E1

1. Kami tidak akan membayar lebih daripada Amaun Manfaat yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat sekiranya berlaku kerosakan atau kehilangan untuk barang berikut:
  - i) Bagasi
  - ii) Barangan peribadi - terhad Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500) untuk mana-mana satu barang atau sepasang atau set barang
2. Barang kemas dan jam tangan mesti dipakai atau disimpan dalam bagasi jagaan peribadi setiap masa, kecuali dalam peti besar hotel;
3. Kehilangan atau kerosakan hendaklah dilaporkan kepada polis atau pihak berkuasa yang berkenaan yang mempunyai bidang kuasa di mana kerugian atau kerosakan berlaku dalam tempoh dua puluh empat (24) jam dari kejadian itu. Apa-apa tuntutan untuk ganti rugi di bawah Seksyen ini hendaklah disertakan dengan salinan laporan polis atau laporan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan yang membuktikan kehilangan atau kerosakan sedemikian;
4. Penyerahan tuntutan di bawah Seksyen ini akan menghalang apa-apa tuntutan dibuat di bawah Seksyen D8 yang timbul daripada kejadian yang sama dan barangan yang sama; dan
5. Sekiranya Anda layak menuntut pembayaran balik kesemua atau sebahagian daripada perbelanjaan berkenaan dari sumber lain, atau sekiranya terdapat insurans/takaful lain yang melindungi di bawah Seksyen ini, Kami hanya akan bertanggungjawab untuk lebihan jumlah yang boleh diperolehi semula daripada apa-apa sumber atau insurans/takaful yang lain.

#### Pengecualian-pengecualian untuk Seksyen E1

Kami tidak akan membayar kos penggantian, membaik pulih, atau dengan cara lain yang berkaitan dengan kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh/kepada:

1. Kegagalan Anda untuk mengambil perhatian yang sewajarnya dan munasabah dan langkah berjaga-jaga untuk melindungi dan menjamin bagasi dan barang peribadi;
2. Kehilangan data dalam bentuk pita, kad, pemacu dan cakera atau sebaliknya termasuk kos mendapatkan semula data;
3. Kenderaan bermotor;
4. Peralatan atau barang-barang sukan;
5. Barang-barang mudah rosak dan guna habis;
6. Antik, artifak, lukisan, objek seni atau apa-apa objek yang mempunyai nilai intrinsik;
7. Manuskrip, sekuriti kewangan atau instrumen apa-apa jenis mata wang kertas atau cek kembara;
8. Setem, dokumen perjalanan, kad kredit, surat hak milik, lesen memandu dan kad pengenalan;
9. Peralatan prostetik luaran atau peranti yang termasuk tetapi tidak terhad kepada anggota tiruan, alat pendengaran, perentak yang diimplanckan, kanta sentuh, kanta, cermin mata, gigi palsu dan jambatan gigi;
10. Alat muzik;
11. Barang mudah pecah;
12. Peralatan yang disewa atau dipajak;
13. Kehilangan bagasi yang dihantar terlebih dahulu, diposkan atau dihantar secara berasingan;
14. Kehilangan barangan perniagaan atau sampel atau peralatan apa-apa jenis;
15. Kehilangan berkenaan dengan kekurangan kerana kesilapan, peninggalan, urus niaga pertukaran atau susut nilai;
16. Mana-mana barang elektronik, komputer riba, tablet dan kamera yang didaftar masuk atau tidak didaftar masuk dengan Pengangkutan Awam;
17. Barang kemas yang didaftar masuk dengan Pengangkutan Awam;
18. Kehilangan misteri;
19. Haus dan lusuh dan/atau tergores atau kemek dan/atau apa-apa kerosakan yang tidak menjelas; dan
20. Ringgit Malaysia Satu Ratus (RM100) yang pertama untuk sebarang tuntutan yang dibuat.

### E2. Kehilangan Dokumen Perjalanan

Pembayaran balik sehingga jumlah yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat, tolak mana-mana lebihan, bagi kehilangan Dokumen Perjalanan Anda (pasport atau visa) yang dialami semasa Perjalanan disebabkan oleh kecurian atau dengan kekerasan, keganasan, atau ancaman keganasan.

Kehilangan hendaklah dilaporkan kepada polis atau pihak berkuasa yang berkenaan yang mempunyai bidang kuasa di mana kehilangan berlaku dalam tempoh dua puluh empat (24) jam selepas kejadian. Sebarang tuntutan mesti disertakan dengan salinan laporan polis atau laporan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang berkaitan yang membuktikan kehilangan tersebut.

## ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

Anda perlu mengambil langkah perlindungan sewajarnya untuk memastikan keselamatan Dokumen Perjalanan Anda.

### Pengecualian-pengecualian untuk Seksyen E2

Ringgit Malaysia Satu Ratus (RM100) yang pertama untuk sebarang tuntutan yang dibuat.

#### E3. Kehilangan Wang Peribadi

Pembayaran balik sehingga jumlah yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat, tolak mana-mana lebihan, bagi kehilangan Wang Peribadi Anda (duit syiling, nota bank, kiriman wang pos atau cek kembara) yang dialami semasa Perjalanan disebabkan oleh kecurian atau dengan kekerasan, keganasan, atau ancaman keganasan.

Kehilangan tersebut hendaklah dilaporkan kepada polis atau pihak berkuasa yang berkenaan yang mempunyai bidang kuasa di mana kehilangan berlaku dalam tempoh dua puluh empat (24) jam selepas kejadian. Sebarang tuntutan mesti disertakan dengan salinan laporan polis membuktikan kehilangan tersebut.

Anda perlu mengambil langkah perlindungan sewajarnya untuk memastikan keselamatan Wang Peribadi Anda.

### Pengecualian-pengecualian untuk Seksyen E3

Kami tidak akan membayar tuntutan bagi:

1. Kehilangan akibat rampasan atau tahanan oleh kastam atau mana-mana pihak berkuasa lain;
2. Kehilangan kiriman wang pos atau cek kembara tidak dilaporkan dengan segera ke cawangan tempatan atau ejen pihak berkuasa yang mengeluarkannya;
3. Penurunan nilai mata wang atau kekurangan kerana kesilapan atau ketinggalan dalam mana-mana urus niaga yang melibatkan wang; dan
4. Ringgit Malaysia Satu Ratus (RM100) yang pertama untuk mana-mana tuntutan yang dibuat.

#### E4. Penjagaan Rumah

Pembayaran balik sehingga jumlah yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat terhadap kehilangan fizikal atau kerosakan Isi Kandungan Rumah Anda akibat daripada Rompakan atau kebakaran ke atas Rumah Anda semasa ia dibiarkan kosong semasa tempoh Perjalanan Anda.

Kami tidak akan bertanggungjawab untuk kerugian lebih daripada Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500) berkenaan dengan mana-mana satu artikel atau sepasang atau set barang.

Kerugian tersebut mesti dilaporkan kepada pihak polis secepat mungkin selepas ketibaan di Malaysia. Mana-mana tuntutan mesti disertakan dengan laporan yang dikeluarkan oleh pihak polis atau pihak berkuasa yang berkaitan dan dengan syarat bahawa kerugian tersebut tidak boleh ditutut dari mana-mana sumber lain.

Kami tidak akan membayar apa-apa kerugian atau kerosakan yang berlaku melalui tindakan atau penglibatan salah laku anda.

#### E5. Kehilangan Kad Kredit

Jika Orang Yang Dilindungi mengalami Kerugian kewangan akibat daripada penipuan penggunaan kad kredit Orang Yang Dilindungi berikutnya kecurian semasa dalam Perjalanan, Kami akan membayar Kerugian yang ditanggung semasa Perjalanan sehingga jumlah maksimum yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.

Dengan syarat bahawa tuntutan tersebut mesti disertakan dengan laporan yang dikeluarkan oleh bank pengeluar kad yang membuktikan Kerugian.

Seksyen E5 hendaklah terpakai kepada Rancangan Antarabangsa sahaja.

## SEKSYEN F – LIABILITI PERIBADI

#### F1. Liabiliti Peribadi

Kami akan menanggung kerugian Anda sehingga had Amaun Manfaat seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat berkenaan dengan liabiliti undang-undang yang berlaku dalam Tempoh Takaful akibat Kecederaan Badan (termasuk kematian) kepada, atau kerugian akibat Kemalangan atau kerosakan kepada harta benda pihak ketiga termasuk kos pihak ketiga dan perbelanjaan yang ditutut daripada Anda, dan kos serta perbelanjaan dengan kebenaran bertulis daripada Kami terlebih dahulu.

### Syarat-syarat untuk Seksyen F1

1. Kecuali dengan persetujuan dan pengesahan bertulis Kami terlebih dahulu, tiada Orang Yang Dilindungi boleh mengaku apa-apa liabiliti dan/atau memberikan apa-apa representasi dan/atau apa-apa aku janji lain berkenaan dengan liabiliti tersebut yang mempunyai kesan yang mengikatnya; dan
2. Kami mempunyai hak untuk mengambil alih pengendalian semua prosiding yang timbul daripada atau berkaitan dengannya yang dimulakan terhadap Anda termasuk melantik peguam cara pilihan Kami sendiri untuk bertindak dan membela secara munasabah bagi pihak Anda.

### Pengecualian-pengecualian untuk Seksyen F1

Kami tidak akan membayar tuntutan yang timbul daripada, berkenaan dengan, akibat daripada:

1. Liabiliti kepada mana-mana orang yang merupakan Keluarga Anda dan/atau majikan Anda dan/atau pekerja Anda;
2. Kehilangan atau kerosakan kepada harta yang dipunyai oleh, yang diamanahkan atau berada dalam jagaan atau kawalan Anda dan/atau pekerja Anda dan/atau mana-mana ahli keluarga Anda dan/atau isi rumah mereka masing-masing;
3. Melibatkan apa-apa urusan perdagangan, perniagaan dan/atau profesion;
4. Pemilikan atau sebagai penghuni tanah atau bangunan (selain daripada tempat kediaman sementara);
5. Pemilikan atau penggunaan kenderaan, pesawat udara atau air atau mana-mana kenderaan lain;
6. Kos undang-undang yang terhasil daripada apa-apa prosiding jenayah;
7. Liabiliti yang dilampirkan di bawah tempoh nyata suatu kontrak, melainkan liabiliti akan dilampirkan sama ada tempoh nyata wujud atau tidak;

## ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

8. Liabiliti yang timbul secara langsung atau tidak langsung oleh atau melalui atau berkaitan dengan apa-apa kerugian atau kerosakan kepada harta akibat perbuatan haiwan yang dipunyai oleh, yang diamanahkan atau berada dalam jagaan atau kawalan Anda dan/atau pekerja Anda dan/atau mana-mana ahli keluarga Anda dan/atau isi rumah mereka masing-masing;
9. Pencabulan seksual, penderaan fizikal atau mental;
10. Apa-apa bentuk punitif, termasuk ganti rugi yang teruk atau teladan yang diberikan oleh mana-mana mahkamah;
11. Sebarang kerugian bukan wang; dan
12. Liabiliti yang mana bayaran boleh dituntut lebih khusus di bawah manamana kontrak insurans/takaful lain atas nama Anda.

## SEKSYEN G – MANFAAT LAIN

### G1. Badal Haji

Pampasan untuk melaksanakan Badal Haji bagi pihak Orang Yang Dilindungi sekiranya berlaku kematian atau hilang keupayaan kekal Orang Yang Dilindungi akibat kemalangan. Pampasan hendaklah di atas jumlah perlindungan yang perlu dibayar apabila Orang Yang Dilindungi meninggal dunia. Bagi peserta bukan Islam, waris digalakkan untuk menggunakan amaan perlindungan ini untuk tujuan kebajikan bagi pihak Orang Yang Dilindungi.

Badal Haji akan diatur oleh waris Orang Yang Dilindungi. Takaful Ikhlas General Berhad tidak akan terlibat dalam sebarang perjanjian dengan pihak ketiga berkenaan Badal Haji.

### G2. Waqaf

Orang Yang Dilindungi diberi pilihan untuk menyertai program Waqaf dengan menyatakan niat di seksyen Hibah dalam borang cadangan. Waqaf hendaklah diambil daripada sebahagian daripada jumlah perlindungan apabila Orang yang Dilindungi meninggal dunia akibat kemalangan dan terhad kepada 1/3 daripada jumlah perlindungan kematian.

## SEKSYEN H - COVID-19 (MANFAAT TAMBAHAN)

### H1. Kematian akibat COVID-19

Jika Orang Yang Dilindungi telah didiagnosis dengan pengesahan makmal jangkitan COVID-19 semasa dalam perjalananya yang mengakibatkan kematian dalam Tempoh Takaful, Kami akan membayar jumlah seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.

Jika tuntutan dibayar di bawah Seksyen ini, tiada manfaat lain di bawah Seksyen A akan dibayar, dan Sijil ini akan ditamatkan dengan serta-merta.

### H2. Pembatalan Perjalanan kerana COVID-19

Kami akan membayar balik kepada Anda Perbelanjaan Pembatalan yang ditanggung sehingga had Amaun Manfaat yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat sekiranya Anda tidak dapat mengelak dari membatalkan Perjalanan Anda akibat mana-mana sebab tertentu yang disenaraikan di bawah, yang berlaku dalam masa sepuluh (10) hari sebelum Perjalanan tersebut bermula.

1. Anda meninggal dunia akibat COVID-19;
2. Teman perjalanan Anda (untuk Pelan Keluarga) meninggal dunia akibat COVID-19.

Perlindungan ini hanya berkuat kuasa sekiranya Sijil ini disertai sebelum Anda menyedari apa-apa keadaan yang boleh membawa kepada pembatalan Perjalanan tersebut dan dengan syarat Sijil ini disertai minimum empat belas (14) hari sebelum Perjalanan tersebut bermula.

#### Pengecualian-pengecualian untuk Seksyen H2

Kami tidak akan membayar tuntutan sekiranya:

1. Jika Tarikh Pengeluaran Sijil Anda kurang dari empat belas (14) hari sebelum Tempoh Takaful bermula;
2. Jika Anda membatalkan Perjalanan Anda kerana keberatan dan/atau keengganan Anda akibat ketakutan dan/atau kesusahan dan/atau ketakutan Anda sendiri untuk melakukan Perjalanan yang dirancang atas kerelaan Anda sendiri apabila destinasi itu sebenarnya selamat untuk perjalanan dan ada tiada amaran perjalanan dikeluarkan oleh kerajaan tentang destinasi tersebut dan/atau tiada penutupan lapangan terbang;
3. Jika syarikat penerbangan, hotel, ejen pelancongan atau mana-mana penyedia perjalanan dan / atau penginapan lain telah menawarkan sebarang bentuk bayaran balik sama ada dalam bentuk tunai atau dalam bentuk termasuk pengeluaran baucar dan/atau kredit dan/atau tempahan semula sebagai ganti bayaran balik atau pampasan untuk pembatalan Perjalanan.

### H3. Perbelanjaan Perubatan di luar negara akibat COVID-19

Kami akan membayar balik kepada Anda Perbelanjaan Pembatalan yang ditanggung sehingga had Amaun Manfaat yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat bagi perbelanjaan perubatan, Hospital dan rawatan yang ditanggung sekiranya Anda didiagnos positif COVID-19 dan komplikasi yang berkaitan semasa Perjalanan tersebut.

Sekiranya berlaku Kemasukan ke Hospital, apa-apa perbelanjaan perubatan pesakit dalam yang ditanggung semasa Perjalanan Anda akan berdasarkan kemasukan tanpa tunai.

### H4. Pemindahan perubatan kecemasan dan penghantaran pulang akibat COVID-19

Perbelanjaan perubatan yang diperlukan untuk pengangkutan kecemasan dan rawatan perubatan dalam perjalanan, untuk memindahkan Anda yang berada dalam Keadaan Perubatan Kritis akibat COVID-19 ke Hospital terdekat di mana penjagaan dan kemudahan yang sesuai tersedia.

Sekiranya berlaku kecemasan sedemikian, Talian Bantuan Perjalanan dan Bantuan Perubatan 24 Jam mesti dihubungi segera untuk meluluskan pengangkutan kecemasan. Dalam keadaan kecemasan yang teruk di kawasan terpencil atau primitif, di mana Talian Bantuan Perjalanan dan Bantuan Perubatan 24 Jam tidak dapat dihubungi lebih awal, pengangkutan kecemasan mesti dilaporkan secepat mungkin.

Kami mengekalkan hak untuk memutuskan sama ada sesuai dari segi perubatan untuk memindahkan Orang yang Dilindungi ke Hospital terdekat di mana rawatan perubatan yang sesuai tersedia.

## ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

Sekiranya Anda dimasukkan ke hospital di luar negara akibat langsung COVID-19 dan secara perubatan Anda perlu diantar pulang ke Malaysia untuk meneruskan rawatan, Kami akan membayar kos penghantaran pulang yang berpatutan dan perlu. Kami mengekalkan hak untuk memutuskan sama ada penghantaran pulang perubatan kecemasan diperlukan atau tidak.

### H5. Perbelanjaan penghantaran balik kematian akibat COVID-19

Sekiranya Orang yang Dilindungi meninggal dunia akibat COVID-19 semasa Perjalanan di luar negara, Kami akan membayar caj yang munasabah untuk pengebumian atau pembakaran mayat Anda di tempat di mana kematian berlaku, termasuk kos pengangkutan mayat atau abu mayat yang munasabah ke, atau dalam Malaysia.

### H6. Perbelanjaan Pengebumian akibat COVID-19

Jumlah sekali gus sehingga had Amaun Manfaat seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat perlu dibayar untuk perbelanjaan pengebumian sekiranya berlaku kematian Orang yang Dilindungi semasa dalam perjalanan akibat Covid-19.

#### Pengecualian-pengecualian untuk Seksyen H

Kami tidak akan membayar tuntutan yang berkaitan dengan:

1. Orang Yang Dilindungi dewasa yang belum divaksin sepenuhnya seperti yang ditetapkan oleh kedua negara Malaysia dan negara ketibaan;
2. Anda melakukan perjalanan yang bertentangan dengan nasihat pengamal perubatan atau doktor, atau sebarang tuntutan yang timbul daripada Anda bertindak dengan cara yang bertentangan dengan nasihat pengamal perubatan atau doktor (termasuk, tetapi tidak terhad kepada, mengembara dengan gejala COVID-19);
3. Anda pergi ke negara, kawasan atau acara tertentu apabila kerajaan atau pihak berkuasa kawal selia di negara ke/dari mana Anda pergi telah menasihatkan supaya tidak mengembara;
4. Anda sedar dan/atau sepatutnya sedar dan/atau secara munasabahnya dijangka mempunyai pengetahuan tentang kehadiran sebarang keadaan yang akan menimbulkan tuntutan di bawah Sijil ini sebelum pengeluaran Sijil dan/atau memulakan sebarang perjalanan yang dirancang;
5. Kegagalan Anda untuk memenuhi semua syarat yang telah ditetapkan oleh Kerajaan/Imigresen sebelum memulakan perjalanan;
6. Kegagalan Anda untuk mendapatkan sebarang vaksin mandatori, suntikan atau ubat-ubatan yang ditetapkan sebelum perjalanan;
7. Jika Anda membatalkan Perjalanan Anda kerana keberatan dan/atau keengganan Anda akibat ketakutan dan/atau kesusaahan dan/atau ketakutan Anda sendiri untuk melakukan Perjalanan yang dirancang atas kerelaan Anda sendiri apabila destinasi itu sebenarnya selamat untuk perjalanan dan ada tiada amaran perjalanan dikeluarkan oleh kerajaan tentang destinasi tersebut dan/atau tiada penutupan lapangan terbang;
8. Kos Penginapan Berkaitan dengan COVID-19 Kuarantin atau perbelanjaan kemudahan kuarantin;
9. Sebarang perbelanjaan yang ditanggung untuk ujian COVID-19, ujian diagnostik COVID-19 mandatori yang diperlukan oleh kerajaan rasmi atau pihak berkuasa kesihatan yang Anda perlu ambil untuk perjalanan, seperti ujian pra-pelepasan dan ujian selepas ketibaan;
10. Tuntutan yang tidak berkaitan dengan COVID-19;
11. Perbelanjaan yang ditanggung tanpa kelulusan Perjalanan dan Bantuan Perubatan Kami terlebih dahulu.

## SEKSYEN I - MANFAAT LAIN (MANFAAT TAMBAHAN)

### I1. Aktiviti-aktiviti berbahaya

#### Nota: Seksyen A dan B

Ini merupakan Manfaat pilihan dan hanya diguna pakai apabila Anda telah membayar Sumbangan tambahan untuk Manfaat ini. Walau apa pun Pengecualian Am 3, Sijil ini akan diperluaskan untuk melindungi Orang Yang Dilindungi berkaitan Seksyen A – Manfaat Kemalangan Diri dan Seksyen B – Manfaat Perbelanjaan Perubatan yang boleh membawa kepada akibat daripada terlibat atau berlatih untuk:

1. Abseiling;
2. Terjun bungee;
3. Terjun udara;
4. Geluncur angin;
5. Menaiki helikopter untuk bersiar-siar;
6. Belon udara panas;
7. Maraton ultra;
8. Konvoi bermotosikal;
9. Sukan air – jet ski, berdayung, kapal layar, layar-layang (parasailing), luncur air, luncur angin (papan pelayar);
10. Mendaki gunung di bawah ketinggian tiga ribu (3,000) meter di atas aras laut dengan menggunakan tali dan lain-lain kelengkapan memanjang;
11. Memanjang bukit menggunakan tali dan lain-lain kelengkapan memanjang;
12. Meluncur atau meluncur salji dengan kebenaran rasmi di kawasan luncur yang diluluskan;
13. Sukan berkanu atau rakit redah jeram dengan pengajar yang bertauliah dan sehingga Tahap 3 (Kesukaran Sungai Skala Antarabangsa);
14. Aktiviti di bawah air melibatkan alat pernafasan tiruan untuk menyelam sehingga kedalaman maksimum tiga puluh (30) meter dengan pengajar penyelam yang bertauliah dan sijil menyelam yang diiktiraf,

Dengan syarat aktiviti-aktiviti di atas dilakukan sebagai amatur dan untuk tujuan masa lapang dengan pengendali berlesen semasa Perjalanan Anda, lain-lain terma dan syarat dan pengecualian di dalam Sijil ini akan berterusan di gunapakai.

Nota: Manfaat tertakluk kepada deduktibel RM250.00 untuk kematian dan Manfaat Perbelanjaan Perubatan

### I2. Kehilangan Peranti Elektronik

Kami akan membayar Anda sehingga had Amaun Manfaat seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat, ditolak sebarang lebihan, untuk kehilangan peranti elektronik dalam Perjalanan, yang diambil dan dimiliki oleh Anda disebabkan oleh kecuaian Pengangkutan Awam atau kecurian.

Peranti elektronik hendaklah terhad kepada telefon bimbit, tablet dan kamera sahaja.

Kehilangan atau kerosakan mesti dilaporkan kepada polis atau pihak berkuasa yang berkaitan, yang mempunyai bidang kuasa di mana kehilangan itu berlaku dalam masa dua puluh empat (24) jam dari kejadian. Sebarang tuntutan untuk indemnititi di bawah Seksyen ini mesti disertakan dengan salinan laporan polis atau laporan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang berkaitan yang membuktikan kehilangan tersebut.

## ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

Sekiranya Anda berhak mendapat bayaran balik atau pembayaran balik semua atau sebahagian daripada perbelanjaan tersebut daripada mana-mana sumber lain, atau jika terdapat mana-mana insurans/takaful lain terhadap peristiwa yang dilindungi di bawah Seksyen ini, Kami hanya akan bertanggungjawab ke atas lebihan tersebut. daripada jumlah yang boleh diperoleh semula daripada sumber lain atau insurans/takaful.

### Pengecualian-pengecualian untuk Seksyen I2

Kami tidak akan membayar kos penggantian, pembaikan, atau kehilangan disebabkan/kepada:

1. Kegagalan anda untuk mengambil penjagaan dan langkah berjaga-jaga yang wajar dan munasabah untuk melindungi peranti elektronik;
2. Kehilangan data yang dirakam pada pita, kad, pemacu dan cakera atau sebaliknya termasuk kos penghasilan semula data;
3. Pengangkutan bermotor;
4. Barang elektronik yang didaftar masuk dengan Pengangkutan Awam;
5. Kehilangan misteri;
6. Ringgit Malaysia Satu Ratus (RM100) pertama untuk sebarang tuntutan yang dibuat.

## SYARAT-SYARAT

Borang Cadangan termasuk semua Borang Cadangan dan Jadual berikutnya yang dilampirkan hendaklah dibaca bersama-sama dan hendaklah menjadi pelengkap Sijil Takaful ini. Mana-mana perkataan atau ungkapan yang mempunyai maksud tertentu dan telah disertakan di dalam mana-mana bahagian Borang Cadangan, di dalam Jadual, atau Sijil Takaful ini hendaklah membawa makna yang sama apabila ia tercatat.

### 1. KEWAJIPAN PENDEDAHAN

Kewajipan pendedahan ini adalah berlainan untuk Kontrak Takaful Pengguna dan untuk Kontrak Takaful Komersil. Kedua-duanya dinyatakan berasingan seperti di bawah:

#### A. Kontrak Takaful Pengguna

Apabila Anda telah memohon Takaful ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Anda, Anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak membuat salah nyataan dalam menjawab soalan yang terdapat dalam Borang Permohonan/ Cadangan (atau semasa Anda memohon Takaful ini) iaitu Anda perlu menjawab soalan dengan penuh dan tepat. Kegagalan dalam mengambil langkah munasabah dalam menjawab soalan-soalan boleh mengakibatkan pembatalan kontrak Takaful Anda, keengganan atau pengurangan ganti rugi Anda, perubahan terma atau penamatkan kontrak takaful Anda selaras dengan remedii di Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Anda juga dikehendaki mendedahkan perkara-perkara lain yang akan mempengaruhi keputusan pihak Kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dikenakan.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu Kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak Takaful Anda ditandatangani, diubah atau diperbarui dengan Kami, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Permohonan/ Cadangan (atau semasa Anda memohon Takaful ini) tidak tepat atau telah berubah.

#### B. Kontrak Takaful Komersil

Apabila Anda telah memohon untuk Takaful ini sepenuhnya untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Anda, Anda berkewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang Anda tahu yang boleh mempengaruhi keputusan Kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dikenakan, dan apa-apa perkara seorang yang munasabah patut tahu sebagai relevan yang boleh menyebabkan pembatalan kontrak Takaful, keengganan atau pengurangan tuntutan, perubahan terma atau penamatkan kontrak Takaful Anda.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk segera memberitahu Kami sekiranya setelah kontrak Takaful Anda dimeterai, diubah atau diperbarui, apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan/permohonan (atau ketika Anda memohon Takaful ini) tidak tepat atau telah berubah.

### 2. NOTIS

Sebarang notis atau komunikasi yang akan diberikan atau dibuat di bawah Sijil Takaful ini hendaklah diserahkan secara bertulis kepada Ibu Pejabat atau mana-mana Pejabat Cawangan Syarikat. Tiada perubahan dalam Sijil Takaful ini boleh menjadi sah melainkan jika diluluskan oleh Syarikat dan telah disahkan oleh wakil Syarikat yang diberi kuasa.

### 3. HAD UMUR

Peserta Takaful mestilah berumur tidak kurang dari lapan belas (18) tahun atau tidak melebihi lapan puluh (80) tahun ketika membuat permohonan.

### 4. PRA-SYARAT KEPADA TANGGUNGAN SYARIKAT

Sijil Takaful ini akan menjadi tidak sah dan terbatal dengan sendirinya apabila:

- (a) Jika sebarang Cadangan atau Akuan Peserta Takaful didapati tidak benar, atau jika apa-apa fakta penting berkaitan Peserta Takaful yang diberikan tidak tepat, atau tidak dimaklumkan secara sengaja oleh Peserta Takaful;
- (b) Jika Sijil Takaful ini atau mana-mana pembaharuan yang diperolehi melalui sebarang kesilapan pernyataan, kesilapan penyampaian atau menyembunyikan sebarang fakta; atau
- (c) jika sebarang tuntutan yang dibuat tidak benar atau melibatkan penipuan atau dibesar-besarkan atau akuan atau pernyataan palsu dibuat untuk menyokong sebarang tuntutan.

## ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

### 5. PERUBAHAN MAKLUMAT

Peserta Takaful hendaklah memberi notis dengan segera kepada pihak Syarikat mengenai sebarang perubahan alamat, pekerjaan, hobi atau sebarang kecederaan, penyakit, kecacatan fizikal atau kelemahan yang telah menjelaskan Peserta Takaful.

Semua notis yang mana Peserta Takaful perlu mengemukakannya kepada pihak Syarikat mestilah diajukan secara bertulis yang dialamatkan kepada pihak Syarikat dan tiada perubahan dalam Sijil Takaful ini atau endosmen ke atas Sijil Takaful ini dianggap sah melainkan jika ditandatangani atau disahkan oleh wakil yang diberi kuasa oleh pihak Syarikat.

Peserta Takaful juga harus memberitahu pihak Syarikat mengenai Pengendali Takaful lain (kecuali kupon atau berkaitan dengan Sijil Takaful Takaful Motor) yang turut menerima kesan akibat Kemalangan dan/ atau ketidakupayaan yang berkenaan.

### 6. PROSEDUR TUNTUTAN

Dalam kes kematian atau hilang keupayaan kekal yang berkaitan dengan Sijil Takaful ini:

- (a) Orang Yang Dilindungi hendaklah sentiasa mengikut arahan pengamal perubatan untuk kaedah perubatan atau menjalani pembedahan dalam tempoh yang ditetapkan;
- (b) notis bertulis hendaklah diberi kepada pihak Syarikat dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh kemalangan yang menyebabkan kecederaan tersebut.

Kegagalan untuk memberi notis dalam masa yang diperuntukkan dalam Sijil Takaful ini tidak akan terus membatalkan tuntutan tersebut jika Orang Yang Dilindungi boleh membuktikan bahawa adalah tidak munasabah untuk memberikan notis dalam tempoh tersebut dan notis telah diberikan dengan seberapa segera yang munasabah.

Sekiranya Sumbangan Takaful tidak berbayar, amanu tertunggak akan ditolak daripada jumlah penyelesaian, yang mengakibatkan jumlah manfaat menjadi kurang daripada Amaun Perlindungan yang tertera di dalam Jadual.

Tiada tindakan undang-undang atau ekuiti yang boleh dibawa untuk mendapatkan kembali Pampasan di bawah Sijil Takaful ini sebelum tamat tempoh tiga puluh (30) hari daripada tarikh bukti bertulis mengenai kehilangan tersebut diberikan mengikut peruntukan Sijil Takaful ini. Tiada sebarang tindakan yang boleh dibawa selepas habis tempoh satu tahun daripada masa bukti bertulis mengenai kehilangan tersebut harus diberikan.

Segala maklumat dan bukti yang diperlukan oleh Kami hendaklah disediakan oleh Anda atau wakil Anda yang sah dan hendaklah dalam bentuk dan sifat sebagaimana yang ditetapkan oleh Kami. Anda hendaklah menjalani pemeriksaan kesihatan apabila diperlukan, di atas tanggungan Anda sendiri, terhadap sebarang tuntutan berkaitan hilang keupayaan kekal akibat Hilang Keupayaan Kekal. Dalam kes kematian Anda, notis pemberitahuan hendaklah diberikan kepada Kami sebelum pengembumian atau pembakaran dijalankan, dan Kami boleh menghantar wakil semasa pemeriksaan autopsi ke atas mayat Anda. Kami mempunyai hak untuk menjalankan autopsi ke atas mayat Anda di atas tanggungan Kami sendiri, selagi mana ia dibenarkan oleh undang-undang.

### 7. PELEPASAN PENERIMAAN

Pembayaran sebarang amaun yang dibayar atau dibuat oleh pihak Syarikat akan dianggap sebagai pelepasan tanggungan yang sah kepada pihak Syarikat dan akan membebaskan pihak Syarikat daripada sebarang tuntutan atau permintaan yang berkaitan dengannya.

### 8. PEMBATALAN

Sijil Takaful ini boleh ditamatkan pada bila-bila masa atas permintaan Peserta Takaful, di mana pihak Syarikat akan membayar wang pulangan Sumbangan Takaful mengikut kaedah pro rata untuk tempoh yang belum loput jika tiada tuntutan di buat di bawah Sijil Takaful ini. Pihak Syarikat juga boleh membatalkan Sijil Takaful (dengan syarat ia perlu, munasabah dan wajar) dengan menghantar notis empat belas (14) hari melalui surat berdaftar kepada Peserta Takaful di alamat terakhir yang diketahui. Dalam keadaan ini, pihak Syarikat tidak akan bertanggungjawab untuk membayar balik kerugian-kerugian yang tertanggung seperti yang dijelaskan sebelum ini.

Pelan Setiap Perjalanan: Jika tarikh berkuat kuasa pembatalan adalah selepas bermulanya tempoh Perjalanan, tiada pengembalian Sumbangan akan dibenarkan.

Pelan Tahunan: Sekiranya Sumbangan Takaful telah dibayar untuk mana-mana tempoh melebihi tarikh penamatan Sijil ini, bahagian yang berkaitan akan dikembalikan kepada Anda tertakluk bahawa tiada tuntutan telah dibuat sepanjang Tempoh Takaful.

Nota: Yuran pengurusan sebanyak RM10.00 akan dikenakan sekiranya pembatalan dibuat atas permintaan Peserta Takaful.

### 9. PENIMBANGTARAAN

Sebarang percanggahan yang timbul daripada Sijil Takaful ini hendaklah dirujuk kepada keputusan Penimbangtara tunggal yang dilantik secara bertulis oleh pihak-pihak berkenaan atau jika tidak boleh dipersetujui dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh khilaf tersebut, dua Penimbangtara, setiap satu dilantik secara bertulis oleh setiap pihak dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas dikehendaki secara bertulis untuk berbuat demikian oleh salah satu pihak. Dalam kes di mana pihak-pihak berkenaan atau para Penimbangtara menyifatkan lebih sesuai, para Penimbangtara boleh bersetuju untuk melantik seorang Pengadil sebelum memulakan rujukan itu. Pengadil tersebut hendaklah bersidang bersama para Penimbangtara dan mempengaruhi mesyuarat dan membuat keputusan mengenai Anugerah yang akan menjadi syarat duluan kepada sebarang tindakan ke atas pihak Syarikat. Kos timbangtara dan kos lain yang berkaitan hendaklah selaras dengan keputusan para Penimbangtara atau Pengadil. Walau bagaimanapun, semua kos awal bagi pelantikan dan rujukan hendaklah ditanggung dan dibayar dengan serta-merta oleh Peserta Takaful. Jika pihak Syarikat menolak tanggungan kepada Peserta Takaful bagi sebarang tuntutan dan tuntutan itu tidak

## ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

dirujuk untuk timbangtara di bawah peruntukan yang terkandung di sini dalam masa dua belas (12) bulan dari tarikh penafian tuntutan, maka tuntutan itu hendaklah disifatkan telah terbengkalai dan tidak boleh dibuka semula selepas itu di bawah peruntukan ini.

Kematian mana-mana pihak tidak boleh membatalkan atau menjelaskan kuasa Penimbangtara, para Penimbangtara atau Pengadil masing-masing; dan sekiranya berlaku kematian Penimbangtara atau Pengadil, seorang lagi hendaklah dilantik untuk menggantikannya oleh pihak atau Penimbangtara (mengikut mana-mana yang berkenaan) yang telah melantik Penimbangtara atau Pengadil tersebut. Dan dengan ini ditetapkan dan diisyitiharkan bahawa adalah menjadi syarat terdahulu kepada hak tindakan atau guaman ke atas Sijil Takaful ini, bahawa keputusan oleh Penimbangtara, para Penimbangtara atau Pengadil mengenai jumlah kehilangan atau kerosakan yang dipertikaikan hendaklah diperolehi terlebih dahulu.

Dalam mana-mana keadaan, Syarikat tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa kehilangan selepas tamat tempoh dua belas (12) bulan dari berlakunya kehilangan tersebut melainkan jika tuntutan itu adalah tertakluk kepada tindakan mahkamah yang belum selesai atau timbangtara.

### 10. PERUNTUKAN SUMBANGAN TAKAFUL

Sumbangan Takaful yang diperuntukkan oleh Peserta Takaful seperti yang dinyatakan di dalam Jadual akan dimasukkan ke dalam Ta'awuni Account Pool (TAP) untuk membayar Yuran Wakalah kepada Dana Pemegang Saham dan Tabarru' kepada Dana Risiko. Pihak Syarikat akan menguruskan TAP mengikut prinsip Wakalah yang ditakrifkan oleh pihak Syarikat dan selaras dengan prinsip Syariah.

Pihak Syarikat akan mengenakan yuran Wakalah sehingga 45% daripada Sumbangan Takaful pada permulaan tempoh Sijil Takaful berkuat kuasa dan baki Sumbangan Takaful akan ditempatkan di dalam Dana Risiko sebagai Tabarru' bagi membantu semua Peserta Takaful yang ditimpa musibah.

Sekiranya Anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai yuran Wakalah sebenar yang dikenakan, sila hubungi pihak Syarikat untuk maklumat lanjut. (Tel: 03-2723 9696 @ e-mel: [ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my](mailto:ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my))

### 11. LEBIHAN

Pihak Syarikat akan mengenakan Caj Pengurusan Lebihan (SAC) sebanyak 50% daripada lebihan boleh-agih kasar dari Dana Risiko pada setiap akhir tahun kewangan. Walau bagaimanapun, Pihak Syarikat boleh, mengenakan caj SAC kurang daripada 50% daripada lebihan boleh-agih kasar mengikut budi bicara dan kesesuaian.

Sebarang lebihan boleh-agih bersih (selepas ditolak SAC) daripada Dana Risiko akan diperuntukkan seluruhnya (100%) kepada Peserta Takaful. Setelah tamat tempoh Sijil Takaful, sekiranya jumlah yang perlu dibayar kepada Peserta Takaful kurang dari RM10, jumlah tersebut akan terus disimpan di dalam Dana Risiko atau atau didermakan kepada badan amal bagi pihak Peserta Takaful sebagai amalan baik. Had serta kaedah dan tempoh penyelesaian pengagihan lebihan adalah seperti yang ditakrifkan di dalam Polisi Pengagihan Lebihan. Had tersebut tidak tertakluk jika Peserta Takaful memberikan maklumat perbankan mereka kepada pihak Syarikat.

Sebarang kekurangan dalam Dana Risiko akan dibayai melalui pinjaman tanpa faedah (Qard) daripada Dana Pemegang Saham. Pembiayaan tersebut akan menjadi caj utama ke atas lebihan daripada Dana Risiko pada masa depan. Jika defisit di dalam Dana Risiko berlaku akibat dari kecuaian pihak Syarikat, maka menjadi tanggungjawab pihak Syarikat untuk memastikan dana tersebut stabil melalui kaedah pemindahan secara langsung (outright transfer) dan tidak dianggap sebagai pendahuluan melalui Qard.

### 12. KEPATUHAN DAN KETEPATAN TERHADAP SYARAT-SYARAT

Mematuhi dan memenuhi terma-terma, syarat-syarat, dan Endosmen yang terkandung di dalam Sijil Takaful setakat mana ia berkaitan dengan sebarang perkara yang perlu dilaksanakan atau dipatuhi oleh Peserta Takaful adalah tanggungjawab Peserta Takaful, dan ketulusan di dalam pernyataan manapun perakuan di dalam Borang Cadangan menjadi pra-syarat untuk sebarang pembayaran pampasan oleh pihak Syarikat.

### 13. UNDANG-UNDANG

Sijil Takaful ini termasuk semua Borang Cadangan dan Jadual adalah tertakluk kepada garis panduan Bank Negara Malaysia atau perundangan subsidiari lain, peraturan, arahan atau perintah daripada penguasa peraturan lain yang berkenaan.

### 14. KETEPATAN MASA

Masa, di mana-mana juga disebutkan di dalam Sijil Takaful ini, menjadi intipati perjanjian.

### 15. SERAH HAK

Tiada sebarang kepentingan serah hak berkaitan dengan Sijil Takaful ini yang akan mengikat pihak Syarikat melainkan dipersetujui terlebih dahulu oleh pihak Syarikat, di mana satu salinan serah hak yang diperakui benar dan Sijil Takaful asal diserahkan kepada Syarikat di Ibu Pejabat.

### 16. CUKAI

Sebarang sumbangan, yuran dan wang lain yang dibayar di bawah Sijil Takaful ini tertakluk kepada cukai, levi atau caj yang dikenakan oleh mana-mana pihak berkuasa di Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya.

### 17. PERBELANJAAN

Pihak Syarikat akan menanggung semua perbelanjaan operasinya. Peserta Takaful akan menanggung perbelanjaan yang berkaitan yang melibatkan kepentingan mereka seperti yang dibenarkan oleh pihak berkuasa.

**ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:**

**18. PENGLIBATAN PIHAK KETIGA**

Dalam menjalankan mandat yang diberikan oleh Peserta Takaful, mungkin wujud satu keperluan bagi pihak Syarikat untuk mendapatkan perkhidmatan pihak ketiga. Justeru, Peserta Takaful bersetuju membenarkan pihak Syarikat mendapatkan perkhidmatan daripada pihak ketiga untuk tujuan dan kepentingan peserta dan Perniagaan Takaful.

**PENGECUALIAN AM**

Sijil Takaful ini tidak bercadang untuk dan tidak melindungi:

1. Kematian atau Hilang Keupayaan yang disebabkan sama ada secara langsung atau tidak langsung oleh:
  - (a) peperangan, serangan, perbuatan musuh asing, permusuhan (sama ada peperangan diisyiharkan atau tidak), perpeperangan sivil, pemberontakan, revolusi, pemberontakan atau rampasan kuasa, mogok, rusuhan, kekecohan awam, kebangkitan tentera atau perhimpunan awam di mana Orang Yang Dilindungi secara langsung atau tidak langsung mengambil bahagian atau terlibat walau apa jua dalam aktiviti-aktiviti tersebut;
  - (b) sebarang kegiatan keganasan
 

Untuk tujuan ini tindakan keganasan membawa maksud tindakan, yang termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan kekerasan dan/atau keganasan dan/atau ancamannya, oleh mana-mana orang atau kumpulan orang, sama ada bertindak sendirian atau bagi pihak atau yang berkaitan dengan mana-mana pertubuhan atau kerajaan, atau berkaitan dengan politik, agama, ideologi atau seumpamanya, termasuk dengan hasrat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau menakutkan orang awam atau mana-mana kumpulan orang awam.
  - (c) gila, bunuh diri (sama ada siuman atau tidak siuman) atau apa-apa percubaan ke arah itu oleh Orang Yang Dilindungi;
  - (d) kecacatan dan kelemahan fizikal atau mental sedia wujud Orang Yang Dilindungi;
  - (e) jangkitan bakteria atau virus, apa-apa penyakit, rawatan perubatan atau pembedahan (kecuali sebagaimana yang perlu semata-mata akibat kecederaan yang dilindungi oleh Sijil Takaful ini dan dilaksanakan dalam masa yang tertera di dalam Sijil Takaful itu) kepada Orang Yang Dilindungi;
  - (f) bersalin, keguguran, kehamilan atau apa-apa komplikasi yang berkaitannya kepada Orang Yang Dilindungi kecuali keguguran disebabkan oleh Kecederaan Tubuh Badan akibat kemalangan;
  - (g) perbuatan asakan atau serangan yang dimulakan oleh Orang Yang Dilindungi yang menyebabkan dirinya terbunuh;
  - (h) sebarang perlakuan yang melanggar Undang-undang Sivil atau Syariah dan prinsip-prinsipnya oleh Orang Yang Dilindungi;
  - (i) hilang keupayaan kekal yang sedia ada atau Kecederaan Tubuh Badan Orang Yang Dilindungi;
  - (j) penyalahgunaan bahan, alkohol dan/ atau dadah oleh Orang Yang Dilindungi melainkan diambil mengikut preskripsi yang dibenarkan;
  - (k) apa-apa sebab-sebab lain yang dilarang oleh Undang-undang dan prinsip-prinsip Syariah.
2. Kematian atau Hilang Keupayaan atau mana-mana kehilangan yang dialami oleh Orang Yang Dilindungi:
  - (a) ketika mengendalikan atau menunggang kenderaan bermotor beroda-dua sebagai sukan atau untuk sebarang tujuan lain (melainkan Anda telah mengambil bahagian dalam Aktiviti Berbahaya sebagai Tambahan Perlindungan);
  - (b) semasa menggunakan jentera kerja-kayu yang menggunakan kuasa mekanikal kecuali alat mudah-alih yang menggunakan tangan dan digunakan semata-mata untuk tujuan persendirian tanpa ganjaran;
  - (c) semasa dalam penerbangan atau melibatkan diri dalam aktiviti udara lain kecuali sebagai penumpang yang membayar tambang di dalam pesawat berlesen untuk perkhidmatan penumpang. (Perkataan 'penumpang' tidak termasuk anggota anak kapal atau orang yang terlibat dalam apa-apa pengendalian teknikal atau navigasi di dalam atau di atas pesawat);
  - (d) semasa melakukan atau cuba melakukan apa-apa perbuatan yang menyalahi undang-undang.
3. Kematian atau Hilang Keupayaan yang disebabkan oleh Orang Yang Dilindungi terlibat di dalam aktiviti memburu, mendaki gunung, mendaki di kawasan terpencil yang berlesen, bermain hoki ais, bermain polo, lumba kuda berhalang, mencuci menara, sukan musim sejuk, kapal layar, melompat ski-air, aktiviti menyelam, belon udara panas, aktiviti payung terjun, terjun lelabah atau sebarang sukan terjun udara, aktiviti-aktiviti di bawah air yang melibatkan penggunaan radas pernafasan atau menggunakan jentera kerja-kayu yang menggunakan kuasa mekanikal, perlumbaan (selain daripada berjalan kaki), pacesetting atau menyertai mana-mana ujian kelajuan, keboleh-percayaan atau ujian lain, atau sukan atau permainan profesional (melainkan sukan dan aktiviti tersebut telah dilindungi di bawah Aktiviti Berbahaya (Tambahan Perlindungan) yang telah Anda sertai);
4. Kematian atau Hilang Keupayaan secara langsung atau tidak langsung yang timbul daripada atau disebabkan oleh atau disumbangkan oleh Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS) atau Kompleks Berkaitan AIDS (ARC) walau bagaimana jua sindrom ini telah didapati atau mungkin dinamakan.

**ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:**

5. Kematian atau Hilang Keupayaan yang dialami yang disebabkan oleh:
  - (a) pengionan, radiasi, atau pencemaran radioaktif daripada apa-apa bahan buangan nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear bagi tujuan pengecualian ini pembakaran termasuk sebarang proses berdikari pembelahan nuklear;
  - (b) bahan senjata nuklear.
6. Kehilangan yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, keseluruhannya atau sebahagianya:
  - (a) oleh apa-apa jenis penyakit yang lain;
  - (b) oleh rawatan perubatan atau pembedahan (kecuali sebagaimana yang perlu akibat kecederaan yang dilindungi oleh Sijil Takaful ini dan dilaksanakan dalam masa yang diperuntukkan di dalam Sijil Takaful ini);
  - (c) semasa Orang Yang Dilindungi di bawah pengaruh alkohol atau penyalahgunaan dadah semasa memandu;
  - (d) semasa kenderaan digunakan untuk tujuan yang menyalahi undang-undang (termasuk di mana ia digunakan sebagai pengangkutan umum yang tidak berlesen atau bagi sebarang tujuan yang menyalahi undang-undang).
7. Sebarang kecederaan tubuh badan yang disebabkan oleh hernia.
8. Tuntutan undang-undang yang dibuat di atas kecuaian, kesalahan atau keingkaran pemandu yang menyebabkan kemalangan atau kerosakan kepada penumpang.
9. Jika Orang Yang Dilindungi tidak mempunyai lesen memandu yang sah untuk memandu sebuah kereta atau tidak layak untuk memegang lesen memandu yang sah semasa memandu menyebabkan Kemalangan.
10. Orang Yang Dilindungi yang terlibat dalam Perjalanan Udara kecuali sebagai penumpang dalam pesawat pelbagai enjin berlesen yang dikendalikan oleh syarikat penerbangan komersil, atau dimiliki atau dikendali oleh syarikat komersil yang diiktiraf.
11. Pendedahan sengaja kepada bahaya yang luar biasa (kecuali dalam usaha untuk menyelamatkan nyawa manusia), atau perbuatan jenayah Orang Yang Dilindungi sendiri.
12. Sekiranya Orang Yang Dilindungi kerap terlibat di dalam sebarang pekerjaan, aktiviti sukan atau aktiviti masa lapang yang melibatkan risiko yang lebih tinggi berbanding dengan apa yang telah dinyata di dalam Sijil Takaful ini, tanpa Orang Yang Dilindungi memaklumkan terlebih dahulu kepada pihak Syarikat dan mendapatkan kebenaran bertulis untuk meminda Sijil Takaful ini (tertakluk kepada bayaran Sumbangan Takaful tambahan yang dirasakan munasabah oleh pihak Syarikat), tiada tuntutan akan dibayar ke atas musibah yang di alami.
13. Kematian atau Hilang Keupayaan yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung atau disumbangkan oleh:
  - (a) Sebarang aktiviti-aktiviti yang menyalahi undang-undang, kerugian akibat secara langsung atau tidak langsung daripada tindakan yang diambil oleh Pihak Berkuasa Kerajaan termasuk rampasan, penyitaan, kemusnahan, dan sekatan;
  - (b) Kehilangan atau kerosakan kepada kelengakapan atau peralatan yang disewa; menguji apa-apa jenis kenderaan.
14. Terlibat di dalam pekerjaan-pekerjaan di bawah:
  - (a) Tentera, pertahanan awam, penguatkuasa undang-undang, ahli bomba atau pengawal/ pegawai keselamatan, atau
  - (b) Kakitangan di udara, anak kapal, kakitangan di pelantar minyak, penyelam atau nelayan, atau
  - (c) Perlombongan, pembalakan, kilang papan, kerja-kerja pertukangan kayu atau bawah tanah, atau perobohan, letupan atau kuari, atau berurusan dengan bahan letupan, gas beracun atau berbahaya, cecair atau bahan-bahan (kecuali di dalam keadaan di mana Orang Yang Dilindungi sudah tamat waktu tugasnya pada masa Kemalangan itu dan Kecederaan Tubuh Badan itu tidak ada hubung kait dengan pekerjaan Orang Yang Dilindungi atau apa-apa aktiviti yang berkaitan dengan pekerjaan Orang Yang Dilindungi), atau
  - (d) Aktiviti-aktiviti atau kerja yang melibatkan perancah, gondola, tali atau kabel.
15. Yang timbul daripada aktiviti-aktiviti luar pesisir seperti menyelam bukan dengan tujuan rekreasi, pemasangan minyak, perlombongan, fotografi udara atau pengendalian letupan.
16. Kerugian turut atau kerosakan dalam apa-apa bentuk.
17. Perjalanan dalam, ke atau melalui negara atau wilayah yang tertakluk kepada perperangan, konflik, atau kuarantin untuk penyakit berjangkit.
18. Perjalanan dalam, ke atau melalui Belarus, Cuba, Republik Demokratik Congo, Iran, Iraq, Korea Utara, Israel, Syria, Somalia, Sudan, Sudan Selatan, Ukraine atau Zimbabwe.
19. COVID-19 (kecuali Anda telah mengambil bahagian dalam Manfaat COVID-19 di bawah Perlindungan Tambahan dan tertakluk pada Terma, Syarat dan Pengecualian padanya).
20. Untuk sebarang kos berkaitan perjalanan yang menjadi tidak boleh dituntut sekiranya Syarikat Penerbangan, ejen pelancongan Tempatan/Asing atau mana-mana perantara perjalanan lain, pembekal perkhidmatan hotel/penginapan atau pembekal perkhidmatan Pelancongan Pihak Ketiga lain yang berkaitan menjadi muflis/musnah atau muflis.

**ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:**

21. Sebarang Penyakit Berjangkit atau ketakutan atau ancaman (sama ada sebenar atau yang dilihat) terhadap Penyakit Berjangkit.
22. Sebarang keadaan penyakit sedia ada Orang Yang Dilindungi.

**FASAL / WARANTI (BERKENAAN SIJIL INI)**

**1. FASAL KEHILANGAN**

Kehilangan kepada Orang Yang Dilindungi selepas tempoh satu (1) tahun dan pihak Syarikat telah memeriksa bukti-bukti yang telah dikenalpasti menunjukkan bahawa kemungkinan berlakunya Kemalangan. Sekiranya selepas pembayaran oleh pihak Syarikat, Orang Yang Dilindungi yang terlibat didapati masih hidup, pemulangan semula jumlah pampasan hendaklah dilakukan kepada Syarikat oleh Orang Yang Dilindungi tersebut.

**2. FASAL AKTIVITI RUSUHAN AWAM**

Aktiviti rusuhan awam engan syarat Orang Yang Dilindungi tidak terlibat secara langsung atau tidak langsung di dalam aktiviti tersebut.

**3. FASAL PENGLIBATAN ATAU PENDEDAHAN**

Penglibatan atau pendedahan yang berkaitan dengan kematian Orang Yang Dilindungi berpunca dari pendedahan selepas kemalangan ketika berada di dalam Penyiasatan Kehakiman.

**4. FASAL KEMALANGAN LEMAS**

Walau pun yang terkandung di sebaliknya adalah dengan ini diisyiharkan dan dipersetujui bahawa jika Orang Yang Dilindungi mengalami kecederaan badan seperti yang ditakrifkan dalam sijil akibat kemalangan lemas, pihak Syarikat akan membayar jumlah pampasan seperti yang dinyatakan dalam jadual kepada Peserta dan/atau wakil sahnya. Tertakluk kepada terma dan syarat Sijil ini.

**5. FASAL HAD DAN PENGECEUALIAN SEKATAN**

Syarikat tidak akan dianggap untuk memberi perlindungan dan tidak akan bertanggungjawab untuk membayar sebarang tuntutan atau memberikan apa-apa manfaat di bawah Sijil Takaful ini sekiranya peruntukan perlindungan, pembayaran tuntutan atau peruntukan manfaat tersebut akan mendedahkan Syarikat kepada sebarang sekatan, larangan atau batasan di bawah resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau sekatan perdagangan atau sekatan ekonomi, undang-undang atau peraturan Kesatuan Eropah, United Kingdom atau Amerika Syarikat, atau mana-mana dari negerinya.

**6. FASAL HAD AGREGAT FASAL LIABILITI**

Had Agregat Liabiliti yang perlu ditanggung oleh Kami atau had bagi setiap pengangkutan adalah Ringgit Malaysia Lapan Belas Juta (RM18 juta) bagi setiap Sijil. Kami tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa amaun yang melebihi Had Agregat Liabiliti yang dinyatakan.

Sekiranya jumlah perlindungan untuk semua Orang Yang Dilindungi melebihi Had tersebut, pihak Syarikat akan menyelesaikan tuntutan untuk Orang Yang Dilindungi masing-masing secara berkadar.

**7. LANJUTAN AUTOMATIK TEMPOH TAKAFUL**

Sekiranya Anda, sebagai penumpang bertiket menaiki Pengangkutan Awam yang dijadualkan, dihalang daripada menyempurnakan Perjalanan pulang daripada Perjalanan yang dirancang semasa Tempoh Takaful, Tempoh Takaful akan dilanjutkan secara automatik tanpa Sumbangan tambahan sehingga Tiga puluh (30) hari sekiranya mengalami Kecederaan Badan (tidak termasuk penyakit dan/atau insiden yang timbul daripada COVID-19) tertakluk kepada bukti dokumen yang berkaitan dengan kejadian tersebut dikemukakan kepada Kami.

**8. WARANTI TUNAI SEBELUM PERLINDUNGAN**

- Adalah menjadi asas dan syarat mutlak pada keadaan khas dalam perjanjian Sijil Takaful ini dimana Sumbangan Takaful mestilah dibayar dan diterima oleh pihak Syarikat sebelum tarikh perlindungan berkuat kuasa. Sekiranya syarat ini tidak dipenuhi, secara langsung Sijil Takaful akan menjadi tidak sah dan terbatas.
- Bilamana Sumbangan Takaful yang dibayar lanjutan dari waranti ini, diterima oleh wakil Syarikat yang diberi kuasa, bayaran tersebut akan dikira telah diterima oleh pihak Syarikat. Tanggungjawab bagi membuktikan Sumbangan Takaful perlu dibayar telah diterima oleh seseorang, termasuk ejen Takaful yang tidak diberi kuasa untuk menerima Sumbangan, terletak pada Pengendali Takaful.
- Tertakluk kepada terma dan syarat yang terkandung di dalam Sijil Takaful ini.

**SIJIL TAKAFULINI DAN SEMUA SYARAT HENDAKLAH DITELITI SEBAIK SAHAJA DITERIMA OLEH PESERTA TAKAFUL DAN JIKA TERDAPAT SEBARANG KESILAPAN HENDAKLAH DIKEMBALIKAN DENGAN SEGERA UNTUK PEMBETULAN. DAN LANGGANAN YANG BERTERUSAN OLEH PESERTA TAKAFUL TERHADAP PELAN PERLINDUNGAN TAKAFULINI DIANGGAP SEBAGAI PENERIMAAN DAN PERSETUJUAN PESERTA TAKAFUL UNTUK DIIKAT DAN MEMAHAMI TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT SIJIL TAKAFULINI.**

**ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:**

**NOTIS PENTING**

Kami amat prihatin dengan perkhidmatan yang Kami berikan kepada pelanggan Kami, dan adalah menjadi tanggungjawab kakitangan Kami untuk mengekalkan standard terbaik. Sekiranya terdapat sebarang kekurangan di pihak Kami, sila utarakan kepada Kami melalui:

**Jabatan Pengurusan Perhubungan Pelanggan,  
Takaful Ikhlas General Berhad,  
IKHLAS Point, Tower 11A, Avenue 5, Bangsar South,  
No. 8 Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur.**

Tel: +603-27239696  
Faks: +603-27239998  
Emel: [complaints@takaful-ikhlas.com.my](mailto:complaints@takaful-ikhlas.com.my)

Untuk notis undang-undang yang perlu diserahkan secara terus atau mana-mana surat rasmi, sila hantarkan ke:

**Takaful Ikhlas General Berhad,  
Tingkat 5, Bangunan Malaysian Re  
No.17, Lorong Dungun, Damansara Heights  
50490 Kuala Lumpur**

**Untuk perhatian: Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif**

Kami akan memastikan masalah Anda dikaji secara komprehensif. Sekiranya Anda masih tidak berpuas hati dengan keputusan pihak Syarikat, maka Anda boleh merujuk kes Anda kepada Ombudsman Perkhidmatan Kewangan dalam tempoh enam (6) bulan dari hari pihak Syarikat membuat keputusan muktamad. Alamat adalah seperti berikut:

<b>Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (664393P)</b> Tingkat 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia, No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur. Tel : 603-2272 2811 Faks: 603-2272 1577 Emel: <a href="mailto:enquiry@ofs.org.my">enquiry@ofs.org.my</a> Laman sesawang: <a href="http://www.ofs.org.my">www.ofs.org.my</a>	<b>Contact Centre (BNMTELELINK)</b> Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK) Bank Negara Malaysia Peti Surat 10922 50929 Kuala Lumpur Tel : 1-300-88-5465 (1-300-88-LINK) Fax : 03-21741515 E-mail: <a href="mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my">bnmtelelink@bnm.gov.my</a>
--	---